



Nelayan Port Dickson
terima pampasan
RM1,000 sebulan

MUKA 24



Loke lancar
BAS.MY Seremban

MUKA 7



NEGERI SEMBILAN LEMBAH INDUSTRI

MUKA 2 DAN 3

Analisis: Membangun Negeri Sembilan sebagai lembah industri



"Berhampar lapik, berlicin daun" itulah yang berlaku di Negeri Sembilan pasca pertukaran kerajaan negeri pada tahun 2018.

Siapa pun yang menggalas tugas Menteri Besar sudah pasti akan menerima nasib yang sama.

Negeri yang bersaiz kecil, tiada hasil minyak, kawasan laut yang pendek, permukaan bentuk muka bumi berbukit, dan jumlah penduduk yang rendah adalah kekangan yang akan mematahkan gerak awal bagi seorang pemimpin yang mentadbir negeri ini.

Tetapi ini tidak bagi Menteri besar ketujuh dan kelapan. Jika tak, jadilah seperti "Kapal tidak bertiang".

Figura Tok Mat yang mentadbir Negeri Sembilan telah membuka jalan baharu untuk Negeri Sembilan terus membangun. Ya, ada banyak kelemahan, tetapi tidak semuanya lemah.

Dari segi projek dapat dilihat beberapa perubahan di zaman Tok Mat walaupun bergantung kepada Kerajaan Persekutuan sangat tinggi.

Hasil negeri meningkat dalam RM100 juta dalam tempoh 3 penggal pentadbiran Tok Mat. Mungkin itu adalah kemampuan yang ada dan memikul masalah yang ditinggalkan kepimpinan dahulu.

Walau apapun yang dikatakan, Tok Mat telah meletak-

kan satu penanda aras lebih tinggi yang akan menyusahkan penggantinya.

Kehadiran Aminuddin atau dipanggil Tok Min pada awalnya sedikit meragukan rakyat. Maklumlah kerajaan baharu, orang baharu. Tiada rekod menjadi mana-mana Menteri atau Exco.

Hanya wakil rakyat pembangkan dua penggal. Bak kata pepatah "kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanah".

Tok Min bukan menjadi maharaja yang hanya duduk menunggu dihidang makanan di depannya. Tok Min menyambung dan mengolah gagasan Malaysia Vision Valley yang dimulakan Tok Mat pada tahun 2015 yang dijangka siap pada tahun 2045.

Lembah Industri yang akan memberi kesan kepada lebih separuh penduduk Negeri Sembilan dari segi pendapatan, kemudahan dan pembangunan.

Dalam erti kata lain, Tok Mat sudah boleh berehat kerana usaha awalnya masih diteruskan oleh Tok Min.

Bukan mudah mahu meneruskan legasi pemimpin yang berlainan parti. Lebih-lebih lagi musuh tradisi politik. Hanya yang berjiwa besar mampu melaksanakannya.

Hanya yang berpandangan jauh akan mengenyahkan cakap-cakap orang yang pesi-

mis. Jiwa besar Tok Min berhasil dengan membesarkan lagi keluasan MVV dari 108,000 hektar kepada 153,411 Hektar dan menjenamakan dengan MVV 2.0.

Lembah Wawasan Malaysia 2.0 (MVV 2.0) ini akan menjadikan Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri yang akan berdaya saing dengan unjuran 15% KDNK negara dan mampu menyediakan 600,000 peluang pekerjaan.

Hari ini sahaja kita dapat lihat di Parcel A MVV 2.0, pelbagai syarikat dari seluruh dunia telah mula beroperasi dan memberikan kesan pelaburan di Negeri Sembilan.

Tahun 2023, Negeri Sembilan mencatatkan keseluruhan pelaburan mencecah RM 10 bilion. Jika ini berterusan, Negeri Sembilan pasti mandiri dan terus membangun.

Dengan usahasama dengan Kerajaan Persekutuan, Negeri Sembilan pasti mencapai sasaran MVV 2.0 sempurna pada tahun 2045. Persoalannya, apakah pengganti Tok Min di kemudian hari mempunyai wawasan, semangat dan jiwa besar seperti beliau.

Kalau hendak memilih cincin, pilihlah cincin seukuran jari.

Kalau hendak memilih pemimpin, pilih pemimpin tahukan diri.

Naratif Kito

Masa Depan Negeri Sembilan Bermula Sekarang!

Ketua Editor:

Ahmad Shahir Mohd Shah

Setiausaha Akhbar YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

Hard times create strong men, strong men create good times, good times create weak men, and weak men create hard times- G. Michael Hopf

Kitaran ini sedang berlaku di Negeri Sembilan. Sedikit masa lagi kita akan sampai ke fasa "Good Times" yang akan menyebabkan lapis kepimpinan akan berasa selesa dan hanyut dalam kemewahan.

Zaman berjimat cermat, berbelanja ikut tatakelola, berkerja lebih masa, mencari pendapatan baharu dan membasmi rasuah mungkin akan menjadi cerita khayalan jika "Good Times" belaku dan diwariskan kepimpinan ini kepada orang yang salah.

Usaha membina semula negeri ini sejak 2004 dan disambung dengan lebih agresif pada 2018 sehingga hari ini tidak boleh diserahkan secara membuta tuli.

Mengambil alih tampuk kepimpinan Negeri Sembilan bukan hanya kerana sesorang itu mempunyai jawatan tertinggi parti. Kita sudah punya sejarah yang lalu. Tidak boleh kita membiarkan ia berlaku untuk kali kedua.

Kita semestinya memerlukan seseorang yang mempunyai kredibiliti yang baik dan mempunyai wawasan yang sangat jauh dalam meneruskan legasi Tok Mat dan Tok Min yang memandu bahtera Negeri Sembilan ke landasan yang lebih baik. Perubahan politik hari ini amat memberi manfaat besar kepada Negeri Sembilan. Semua parti komponen bekerjasama membangun negeri.

Semua memainkan peranan yang sangat baik sehingga semua barisan kepimpinan negeri dari Exco sehingga Adun dilihat bersama-sama dalam membantu rakyat. Semua inisiatif yang diumumkan dalam belanjawan disampaikan terus kepada rakyat. Ini adalah signal yang baik hasil dari kerjasama dalam kerajaan perpaduan.

Maka, jangan ada yang cuba mengocak air yang jernih menjadi keruh. Jangan ada yang menjadi batu api atau pengadu domba yang cuba memecahkan perpaduan di Negeri Sembilan. Generasi kepimpinan pelapis negeri ini perlu bersiap sedia.

Jangan hanya menunggu masa tanpa ada persiapan diri. Tanpa persiapan dan latihan dilapangan, tidak lahir pemimpin yang berjiwa rakyat. Anwar Ibrahim hari ini bukan tercipta kerana Namanya.

Tetapi Namanya tercipta kerana jasa dan perjuangannya. Begitu juga Tok Min dan Tok Mat. Mereka bukan dilahirkan untuk berada di takhta. Tetapi menjalani fasa latihan dan pengalaman sebelum diangkat memegang kuasa. Negeri ini perlu bersedia. Bila? Sekarang!

Projek MVV 2.0 bawa masuk pelaburan, cipta pekerjaan

KUALA LUMPUR: Pembangunan Projek Katalis Lembah Wawasan Malaysia (MVV) 2.0 dijangka memberi impak yang besar kepada ekonomi negara dan disasar menyumbang kira-kira 15 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata pembangunan MVV 2.0 itu yang akan diterajui oleh agensi berkaitan pelaburan kerajaan negeri, Perbadanan NS, bakal memberi impak ekonomi ketara kepada negara menerusi pelaburan yang dibawa masuk dari dalam dan luar negara yang seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan serta perniagaan.

MVV 2.0 adalah perancangan komprehensif jangka masa panjang sehingga tahun 2045 bagi daerah Seremban dan Port Dickson dengan memanfaatkan kedudukan strategiknya bersebelahan dengan pintu masuk antarabangsa negara iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan berdekatan Pelabuhan Klang.

"Pembangunan MVV membuka lebih banyak peluang pembangunan ekonomi dengan peningkatan nilai pelaburan ke Negeri Sembilan melebihi RM32 bilion dari tahun 2018 hingga 2022," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Aminuddin berkata kejayaan Negeri Sembilan menarik pelaburan berjumlah RM8.9 bilion pada 2022, iaitu pencapaian tertinggi dalam sejarah, merupakan hasil manifestasi tadbir urus yang cekap dan sikap keterbukaan yang diamalkan kerajaan negeri.

Menurutnya, kerajaan negeri sentiasa mengamalkan dasar terbuka dalam mengalu-alukan kemasukan pelabur terutamanya pemain industri berteknologi tinggi selain giat mengadakan sesi dialog bersama pelabur sedia ada serta yang berpotensi bagi mengem-



bangkan operasi di Negeri Sembilan.

Dasar ini menjadi kekuatan kerajaan negeri menarik lebih ramai pelabur dari dalam dan luar negara untuk melabur di kawasan MVV 2.0 memandangkan pembukaan kawasan perindustrian baharu dalam projek ini penting bagi memenuhi permintaan serta keperluan industri selain merancakkan ekonomi," katanya.

Beliau berkata, konsep pembangunan yang dirancang kini sedang dalam fasa pelaksanaan selaras dengan rancangan bagi pembangunan fasa pertama projek katalis pembangunan iaitu projek 'heartbeat' yang akan memberi tumpuan kepada pembangunan taman industri teknologi tinggi.

"Perancangan pembangunan MVV yang dahulu menyasarkan aktiviti ekonomi seperti perindustrian teknologi tinggi, pelancongan kesejahteraan, pendidikan dan penyelidikan berasaskan kemahiran perkhidmatan," katanya.

Kini, ia diperincikan dengan perancangan khusus bagi setiap parcel pembangunan yang ditumpukan seperti Parcel A: Tech Park di Nilai, Parcel B: Smart County di Labu, Parcel C, NS Aerospace Valley di Tanah Merah dan Bukit Pelanduk di Port Dickson, Parcel

D: Integrated Maritime Hub dan Waterfront Corridor di Port Dickson, Parcel E: NS Unmanned Vehicle Valley di Rantau serta Parcel F: Semiconductor Valley di Senawang.

"Projek pertama akan dibangunkan di Parcel A, Nilai, dalam kawasan Ladang Hamilton dengan kerja-kerja membangunkan kawasan perindustrian telah dilancarkan dan kerja-kerja tanah sedang giat dijalankan," katanya.

Manakala, Parcel B pula dirancang dalam kawasan seluas 8,796 ekar (3,518 hektar) untuk pembangunan Wilayah Pintar atau Smart County yang merangkumi kawasan perumahan dan komersial, industri ringan dan sederhana yang memfokuskan pengeluaran halal terutamanya dalam segmen makanan dan minuman, farmaseutikal dan industri kosmetik, hub perubatan serta hub pendidikan.

Menurutnya, Perbadanan NS juga memeterai perjanjian pembelian tanah Parcel B seluas 3,723 ekar (1,489 hektar) daripada Sime Darby Bhd bagi tujuan pembangunan di kawasan itu, manakala pembangunan fasiliti pemasangan helikopter Turkish Aerospace Industries yang pada awalnya ditetapkan di Parcel C kini juga ditempatkan di Parcel B.

Aminuddin berkata, kerajaan negeri juga berhasrat untuk membangunkan sebuah hab industri aeroangkasa yang dikenali sebagai NS Aerospace Valley di Parcel C manakala perancangan pembangunan Parcel D adalah untuk meningkatkan potensi industri perkapalan, pelabuhan dan logistik di Port Dickson.

"Parcel E dilihat berpotensi dibangunkan bagi 'unmanned aerial vehicle' mengambil kira ia tidak berada dalam laluan penerbangan," katanya.

Sementara itu, Parcel F yang dikenali sebagai NS Semiconductor Valley terletak berhampiran Taman Perindustrian Tuanku Jaafar juga kini dalam fasa perancangan yang akan dibangunkan sebagai pusat perindustrian bagi industri semikonduktor.

"Pada masa ini, syarikat SDI Energy Malaysia Sdn Bhd (SDIEM) yang telah membawa masuk pelaburan berjumlah RM6 bilion sedang membina sebuah kilang sel bateri kenderaan elektrik (EV) Fasa ke-2 di Parcel F," katanya.

Aminuddin berkata, MVV 2.0 juga menerima pelaburan daripada Dutch Lady Milk Industries (DLMI) Berhad bernilai RM450 juta di kawasan seluas lebih 13 hektar di Bandar Baru Enstek dengan kerja pembinaan kilang telahpun dimulakan.

Menurutnya, Dutch Lady akan memindahkan sepenuhnya operasi mereka dari Petaling Jaya ke Bandar Enstek pada suku ketiga tahun ini yang bakal mewujudkan 400 peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

"Kesemua usaha pembangunan diharapkan akan dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat, yang mana akan dapat meningkatkan taraf ekonomi rakyat dan memberi impak limpahan positif kepada penduduk setempat," katanya. -BERNAMA, 31 OGOS 2023

MVV 2.0 LEMBAH INDUSTRI NEGERI SEMBILAN

FAKTA YANG ANDA PERLU TAHU TENTANG MVV 2.0

Bermula dilancarkan pada 21 Mei 2015 dengan nama MVV dengan keluasan 108,000 hektar. Dijenamakan semula pada 13 Disember 2018 dengan nama MVV 2.0.

KELUASAN: 153,541 HEKTER bersama 1530 KM per segi menyamai 2 kali ganda saiz Singapura (719 km per segi) meliputi daerah Seremban dan Port Dickson.

Mengandungi Kawasan Perindustri Teknologi Tinggi, Aerospace Valley, Maritime Valley dan Hub Pelancongan.

Pelan pembangunan versi terkini Lembah Wawasan Malaysia merangkumi enam kawasan pertumbuhan (parcel), iaitu:

- Parcel A - Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi Negeri Sembilan
- Parcel B - Wilayah Pintar (Smart County)
- Parcel C - Lembah Aeroangkasa Negeri Sembilan (NSAV)
- Parcel D - Koridor Pesisiran Pantai dan Hab Maritim Bersepadu (IMHCC)
- Parcel E - Lembah Kenderaan Elektrik dan Tanpa Pemandu (EUVV)
- Parcel F - Wilayah Semikonduktor (Semiconductor County)

Lebih 20,000 banjiri Padang MBS rai Hari Kebangsaan

SEREMBAN: Sambutan Hari Kebangsaan 2024 Peringkat Negeri Sembilan disambut meriah dengan kehadiran lebih 20,000 orang ramai di Padang Majlis Bandaraya Seremban (MBS).

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir serta Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud, turut berangkat mencemar duli pada majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2024 Peringkat Negeri Sembilan.

Keberangkatan baginda disambut oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Mohd Zafir Ibrahim.

Selain itu, turut hadir termasuk Undang Yang Empat, Tunku Besar Tampin dan Dato' Shahbandar Sungei Ujong.



Lebih 80 kontinjen merangkumi 5,000 peserta menyertai perbarisan sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 peringkat negeri di Padang MBS di sini.

Perbarisan terdiri daripada jabatan dan agensi kerajaan, badan berka-

nun, pentadbiran daerah, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sekolah, institut pengajian tinggi serta syarikat swasta.

Istiadat Kawalan Kehormatan Utama (KKU) terdiri daripada tiga Pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat dari Batalion Kelima Belas Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai oleh Mejar Muhammad Hazim Abdul Ghalib.

Pegawai Panji-Panji ialah Leftenan Muhammad Khaliq Nasrudin dan Sarjan Mejar Rejimen ialah PWI Bilal Harun.

KKU diiringi oleh Pancaragam Gabungan Batalion Ke-14 Rejimen Askar Melayu Diraja (MEKENIZA) dan Batalion Ke-24 Rejimen Askar Melayu Diraja yang dipimpin oleh Drum Major PW2 Mohd Saiful Mohd Haniff.

Antara iringan muzik yang dimain-

kan memeriahkan majlis adalah lagu Pahlawanku, Perwiraku, Gagah Setia, Lemak Manis, Prebet Lapok, Teluk Bayu, Ikatan Asmara dan lagu-lagu patriotik yang menyerikan lagi majlis penuh warna-warni ini.

Turut diadakan bacaan ikrar Rukun Negara diketuai Aminuddin manakala doa dibacakan oleh Muf-ti Negeri Sembilan, Prof. Madya Dato' Dr. Faudzinaim Badaruddin.

Perarakan turut menyaksikan aset artileri dan Kontinjen Tempur Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), aset Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), aset Angkatan Pertahanan Awam Malaysia serta beberapa aset jabatan dan agensi kerajaan yang lain.

Turut mencuri tumpuan dalam perarakan adalah Kelab Kereta Klasik dan Antik Negeri Sembilan serta Kelab Basikal Tuo Soghomban.

Persembahan Khas turut ditampilkan bagi menterjemah maksud tema Hari Kebangsaan 2024 iaitu Malaysia Madani Jiwa Merdeka melibatkan artis Farhan Azizan, Suki Low dan kumpulan kebudayaan yang diselaraskan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan (JKKNNS).

Antara kumpulan kesenian yang turut serta Soka Gakkai, Unique Art, Persatuan Seni Silat Tanah Baru Chemandee, Pancang 12 Pasukan Simpanan Persekutuan Polis Diraja Malaysia dan Kumpulan Seni Mempertahankan Diri Dinamik Markas 1 Briged.





Hari Kebangsaan disambut dalam keadaan ekonomi cukup baik: Aminuddin

SEREMBAN: Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, beliau berharap agar rakyat terus menjaga keamanan daripada sebarang fitnah dan sangkaan buruk yang berterusan.

"Saya rasa 67 tahun merdeka amat bermakna dan penting bagi kita.

"Pada tahun ini, Hari Kemerdekaan disambut dalam keadaan ekonomi yang cukup baik.

"Kita sambut dalam keadaan nilai ringgit kita kukuh dan dalam keadaan Bursa Malaysia ber-

prestasi lebih baik dengan jangkakan pertumbuhan 10.5 peratus kepada 1,600 mata menjelang akhir tahun ini.

"Ini antara perkara yang harus kita lihat dan berbanding tahun lalu, peningkatan ini cukup membanggakan," ujar Aminuddin.

Aminuddin berkata, beliau yakin ekonomi, nilai ringgit dan Bursa Malaysia akan berterusan meningkat dan akhirnya rakyat yang akan menikmati dengan pemberian pelbagai sumbangan dan insentif daripada kerajaan.



Apakah erti kemerdekaan?

Erti kemerdekaan ini bebas daripada segala aspek. Kami bebas mengamalkan kepercayaan kami, kebudayaan kami, bahasa kami.

Maka kebebasan ini terjamin di Malaysia. Keterjaminan ini tercapai disebabkan oleh kemerdekaan ini.

Setiap tahun kita sebagai rakyat Malaysia perlu menghayati perjuangan pemimpin-pemimpin lama untuk pembentukan Bangsa Malaysia.

Kami kenal erti kemerdekaan dan kami mahu anak-anak kami pun mengerti erti kemerdekaan.

Sebab itu saya dan isteri bawa kedua-dua anak kami ke sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan di Padang Majlis Bandaraya Seremban.



Kumaresan Pappanan, 41, Bahau.

Anak-anak sangat teruja dan gembira melihat perbarisan dan pelbagai pertunjukan pada sambutan ini.

Bagi saya kemerdekaan ini adalah kebebasan negara ini tanpa dijajah.

Kita bebas dalam negara kita sendiri sebagai warganegara.

Negara ini berada dalam keadaan yang aman, politik yang stabil, anak-anak mendapat pendidikan yang bagus.

Pekerjaan yang bagus bagi seluruh rakyat Malaysia.

Kita berada di bawah naungan raja-raja yang begitu bagus mentadbir negara.



Mashitah Arshad, 57, Seremban

Setiap tahun saya dan anak-anak tidak melepaskan peluang untuk hadir ke sambutan Hari Kebangsaan di Seremban.

Erti kemerdekaan adalah kita bebas daripada penjajah tetapi dalam masa sama kita juga membina jati diri peribadi kita.

Bersama membangunkan negara kita dengan bersatu padu, menjamin masa depan cemerlang dan mewariskan kepada anak-anak kita pada masa akan datang.

Kerajaan Negeri Sembilan secara keseluruhan berjaya mentadbir dengan bagus dan menjamin keharmonian masyarakat majmuk di negeri ini.

Perbarisan hari ini juga sangat menarik dan saya bawa empat orang anak saya.



Mohamad Fikri Mohamad Yunus, 38, Seremban

Anak-anak saya sangat teruja melihat persembahan tarian klasik masyarakat majmuk.

Bagi saya erti kemerdekaan ini adalah negara kita bebas daripada penjajah. Bebas daripada segala-galanya.

Ini tahun ketiga saya hadir ke sambutan Hari Kebangsaan di Seremban.

Saya suka tengok perbarisan, boleh tengok aset-aset negara dan semangat patriotik setiap kontingen.

Saya datang dengan kawan baik saya yang juga kawan sepejabat saya Yo-galetchumy Machap.



Siti Lailatul Abu Talib, 30, Seremban



Lebih 200 buah motosikal meriahkan Kembara Merdeka Akar Umbi

JELEBU: Lebih 200 buah motosikal dan 30 buah kenderaan ringan meriahkan program Kembara Merdeka Akar Umbi yang menjelajah ke tujuh daerah dalam Negeri Sembilan pada 30 Ogos lalu.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, program tersebut dianjurkan bersempena dengan bulan kemerdekaan negara.

"Program sebegini juga dapat menyuntik semangat patriotisme dan perpaduan sesama kita.

"Program yang berlangsung seawal jam 8.30 pagi itu bermula di Pusat Kegiatan Masyarakat Kemas Kampung Pantai dan melalui tujuh daerah dalam negeri ini.

"Kembara tersebut berakhir di Dataran Jam Kuala Klawang, Jelevu.

"Tahniah kepada Exco Kanan Kerajaan Negeri, Dato' Seri Jalaluddin Alias serta barisan urus setia yang terlibat dalam penganjuran program ini," kata Aminuddin.

Sementara itu, Exco Kanan, Dato' Seri Jalaluddin Alias dalam ucapannya menyeru agar masyarakat akar umbi di seluruh Negeri Sembilan memainkan peranan masing-masing bagi memupuk semangat silaturrahim dan persaudaraan sesama bangsa pada setiap masa.

"Tujuan utama Kembara Merdeka Akar Umbi ini adalah untuk membawa semangat silaturrahim dan persaudaraan antara kita semua.

"Oleh sebab itu kami menjelajah ke setiap daerah bagi menghantar mesej bahawa perpaduan dan ikatan ukhuwah antara masyarakat adalah perkara terpenting yang menjadi formula terbaik bagi kekuatan negeri dan negara ini.

"Selaku ketua konvoi kembara ini, saya melihat partisipasi dan penerimaan masyarakat akar umbi amat baik dan jelas terhadap kepentingan memupuk semangat silaturrahim dan bersatu padu tanpa mengira kaum, agama dan keturunan," katanya semasa majlis penutup di Kuala Klawang, Jelevu.

Jalaluddin yang juga Ahli Parlimen Jelevu mengharapkan acara ini dapat dijadikan aktiviti tahunan Kerajaan Negeri Sembilan bagi menterjemahkan semangat perpaduan selaras dengan Aspirasi Perpaduan Negeri Sembilan yang menjadi tonggak utama kerajaan negeri pada hari ini.

"Saya berharap Kembara Merdeka Akar Umbi ini dapat dimasukkan ke dalam kalendar aktiviti tahunan Kerajaan Negeri supaya kita mampu mengasimilasi semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat akar umbi di Negeri Sembilan, Insya Allah," tambahnya.

Program Kembara Merdeka Akar Umbi Negeri Sembilan telah diilhamkan oleh Jalaluddin dan diselenggarakan oleh Jabatan Kemas Masyarakat (KEMAS) Negeri Sembilan dan Pejabat Exco Kanan Kerajaan Negeri Sembilan.



Loke lancar **BAS.MY Seremban**

SEREMBAN: Menteri Pengangkutan Jalan, Anthony Loke Siew Fook telah melancarkan perkhidmatan bas henti-henti iaitu BAS.MY Seremban atau dikenali sebagai bas 'pink'.

Loke berkata, BAS.MY merupakan Perkhidmatan Bas henti-henti yang dijenamakan semula dengan keseluruhan peruntukan daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia sebanyak RM36 juta.

Peruntukan tersebut adalah bagi tempoh lima tahun akan datang bagi Pakej A (RM20 juta) dan Pakej B (RM16 juta) yang perkhidmatannya meliputi hampir semua daerah di Negeri Sembilan.

"Selain itu, terdapat beberapa inisiatif lain juga diumumkan untuk meningkatkan 'ridership' dan menambah baik perkhidmatan BAS.MY Seremban.

"Penumpang boleh membuat bayaran tanpa tunai.

"Hal ini kerana di dalam bas telah disediakan sistem pembayaran tanpa tunai yang membolehkan penumpang membuat bayaran menggunakan kad debit, kad kredit, pra bayar atau menggunakan e-dompot," jelas beliau.

Loke berkata, bagi golongan warga emas, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan pelajar sekolah, bas ini akan meneruskan tambang percuma konsesi yang dilancarkan sebelum ini.

"Tetapi dengan syarat, golongan ini perlu mendaftar bagi menikmati tambang percuma.



"Dalam masa sama, BAS.MY juga turut dilancarkan bersama BAS.MY Medik.

"Ia bertujuan membantu pesakit mobiliti terhad seperti pesakit berkerusi roda khusus untuk tujuan rawatan perubatan.

"Ini adalah antara komitmen kerajaan dalam

menyediakan peruntukan yang besar untuk pengangkutan awam dan mengurangkan beban rakyat berkaitan kos tambang dan juga mendapatkan perkhidmatan pengangkutan yang berkualiti," kata Loke.

Jangan sia-siakan pengorbanan pejuang kemerdekaan



PUTRAJAYA: Usaha para pejuang kemerdekaan yang terdahulu janganlah disia-siakan.

Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, para pejuang terdahulu telah mengorbankan darah, air mata dan keringat untuk mempertahankan negara.

"Apalah ertinya kemerdekaan yang telah dikecapi sejak 67 tahun dahulu jika jiwa kita masih terbelenggu hingga mengizinkan keterlanjuran pimpinan yang sama sikapnya seperti penjajah yang di-

usir.

"Ayuh noktahkan keterlanjuran ini dan lahirkan rakyat yang hidup bersama, benar-benar bebas dan berjiwa merdeka.

"Negara ini mempunyai potensi untuk mencipta kejayaan luar biasa sekiranya kita merangkul kesepakan setiap rakyat tanpa mengira kaum.

"Yang akhirnya dapat menjulang darjat dan martabat Malaysia sebagai negara hebat dan gagah di mata dunia," kata Anwar.

Bajet terbaik untuk keluarga besar Negeri Sembilan



PUTRAJAYA: Kepimpinan Kerajaan Negeri Sembilan telah 'berkampung' selama tiga hari di Putrajaya bagi membincang dan merangka draf Belanjawan 2025.

EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi, Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, ibu bapa yang bertanggungjawab adalah yang menyediakan anak-anaknya dengan kecukupan dari pelbagai perkara.

"Pakaiannya, makan minumannya, tempat tinggalnya dan pelbagai lagi.

"Tidak boleh dinafikan, sifat empati ibu bapa cukup tinggi dalam membesarkan dan mendidik anak-anak sehinggalah mereka besar dan berjaya.

"Begitulah juga Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan.

"Barisan Exco, wakil-wakil rakyat dan ketua-ketua jabatan berkampung di Putrajaya bagi merangka draf sebuah bajet yang terbaik untuk keluarga besar kita di Negeri Sembilan," kata Jalaluddin.

Anwar mahu menjana **penjimatan** dana negara



PUTRAJAYA: Kerajaan akan menubuhkan Sekretariat Kajian Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan.

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, sebagai kesinambungan kepada agenda reformasi menyeluruh negara, penubuhan Sekretariat Kajian Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan adalah bermatlamat untuk mencari ruang mengurangkan pertindihan fungsi dan seterusnya menjana penjimatan dana negara.

"Tatakelola yang lebih baik bukan sa-

haja untuk menoktahkan budaya menyakau serta ketirisan, bahkan memudah cara perniagaan serta mengurangkan kerenah birokrasi yang menambah kos dan masa.

"Saya ingin tegaskan kepentingan Kerajaan meningkatkan tatakelola penjawat awam dalam agenda keseluruhan penstrukturan semula ekonomi negara," ujarnya.

Anwar berkata demikian dalam amanat di Majlis Perhimpunan Warga Kementerian Kewangan (MOF) di Putrajaya.



Negeri Sembilan ambil berat **kualiti penginapan** pekerja di asrama pekerja

NILAI: Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, Veerapan Superamiam mengambil berat taraf dan kualiti penginapan pekerja tempatan, mahupun asing di asrama pekerja yang majikan sediakan.

Veerapan berkata, ini adalah antara perkara yang dibincangkan di Program Simposium Perburuhan Peringkat Negeri Sembilan Siri 8/2024 di Nilai Springs Resort Hotel.

"Pelbagai topik telah dibincangkan termasuk pindaan terbaru Akta Kerja 1955, perumahan dan penginapan pekerja (Akta 446), gaji progresif serta penawaran pekerjaan kepada pekerja-pekerja bekas banduan.

"Semua majikan di Negeri Sembilan perlu mematuhi akta yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sembilan (JTKNS).

"Saya memandang serius perkara ini dengan turun padang bersama JTK bagi melihat sendiri penginapan pekerja tempatan mahupun asing.

"Untuk pengetahuan, terdapat sebanyak 21 Penyedia Penginapan Berpusat di sekitar Negeri Sembilan yang diperakukan oleh JTKNS serta boleh menempatkan 8,345 pekerja," kata Veerapan.

Veerapan berkata, beliau mahu Negeri Sembilan menjadi satu tempat yang kondusif untuk pekerja asing seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi.

Seramai 500 peserta telah menghadiri simposium ini dan melalui program ini para peserta juga akan mendapat pengetahuan dan maklumat berkaitan isu-isu perburuhan semasa, akta-akta berkaitan yang boleh membantu mereka.

Turut hadir, Pengarah JTKNS, Roslan Bahari.

Kerajaan lindungi hak dan kebajikan pekerja gig



PUTRAJAYA: Kesejahteraan pekerja gig adalah penting yang kini membentuk sebahagian besar tenaga kerja dalam negara.

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, dengan lebih 3.15 juta pekerja yang bekerja sendiri di Malaysia, usaha seperti Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri dan penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGIM) adalah langkah penting dalam melindungi hak dan kebajikan mereka.

"Saya juga menyatakan bahawa ekonomi gig bukan hanya menawarkan peluang tetapi juga cabaran yang perlu diatasi melalui kerjasama antara Kerajaan, industri dan pekerja.

"Dengan usaha ini, kita bukan sahaja memastikan perlindungan sosial yang lebih baik untuk semua, tetapi juga membina masa depan yang lebih cerah dan inklusif," kata Ahmad Zahid di ucapan perasmian pembukaan

Seminar Teknikal International Social Security Association 2024 yang bertemakan 'Social Security For The Self-Employed And Platform Workers'.

Seminar ini adalah satu inisiatif yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang memberi fokus terhadap perlindungan sosial untuk pekerja dalam ekonomi gig yang semakin berkembang.

Ahmad Zahid berkata, beliau berharap agar perbincangan yang diadakan ini akan membawa kepada perubahan positif dan penyelesaian yang berkesan bagi pekerja gig di Malaysia secara keseluruhannya.

Turut hadir, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

Masyarakat Orang Asli Tampin tidak dipinggirkan

TAMPIN: Ahli Parlimen Tampin, Dato' Mohd Isam Mohd Isa berkata, masyarakat Orang Asli di Daerah Tampin tidak pernah dipinggirkan dan kebajikan golongan ini tetap dibela oleh kerajaan.

Mohd Isam berkata demikian di sambutan Bulan Kebangsaan dan sambutan Hari Orang Asal Sedunia di Kampung Tebong Pasir, Tampin.

"Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan sentiasa mengambil berat tentang hal ehwal kesejahteraan dan kebajikan masyarakat Orang Asli di Negeri Sembilan di bawah Exco Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi, YB Dato' Seri Jalaluddin Alias.

"Dimaklumkan kampung ini telah melahirkan seorang



jurutera dan ini menunjukkan pendidikan yang diterima oleh masyarakat Orang Asli setara dengan kaum lain," kata beliau.

Menurut Mohd Isam, dari segi penempatan penduduk, Kerajaan Negeri Sembilan telah mewartakan sebanyak 59 buah kampung sebagai tanah rizab Orang

Asli di seluruh Negeri Sembilan.

"Hanya tinggal 10 buah kampung yang masih dalam proses teknikal di Pejabat Daerah dan Tanah.

"Pada tahun ini, Kerajaan Negeri Sembilan meneruskan pemberian Geran Khas Masyarakat Orang Asli den-

gan peruntukan sebanyak RM315,000.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun yang sudi hadir merasmikan sambutan ini.

"Sambutan Hari Orang Asli Sedunia diperkenalkan bagi mempromosikan dan melindungi hak penduduk asli/asal dunia serta mengiktiraf sumbangan mereka kepada masyarakat global," jelas Mohd Isam.



Veerapan santuni 64 keluarga Orang Asli sempena Hari Orang Asal Sedunia

REPAH: Sempena sambutan Hari Orang Asal Sedunia, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Repah, Veerapan Superaniam telah melawat dua buah Kampung Orang Asli (KOA) iaitu Kampung Ulu Pondoi dan Taman Tasik Tampin.

"Dalam lawatan tersebut, saya telah menghulurkan sumbangan berbentuk bakul makanan kepada penduduk Kampung Orang Asli Ulu Pondoi (27 keluarga) dan penduduk Kampung Orang Asli Tebuk Pasir (24 keluarga) serta Taman Tasik Tampin (13 keluarga).

"Selain itu, saya juga mengagihkan Jalur Gemilang kepada penduduk kampung dalam menyemarakkan semangat Bulan Kebangsaan.

"Lawatan ke Kampung Orang Asli (KOA) di Daerah Tampin sebenarnya rutin saya bagi menyantuni masyarakat Orang Asal di samping menumpukan perhatian khusus dalam hal kebajikan golongan tersebut.

"Cuma kali ini lawatan ini agak istimewa sempena sambutan Hari Orang Asal Sedunia," kata Veerapan.



Shamshulkahar ramah mesra bersama masyarakat Orang Asli



JEMPOL: Ahli Parlimen Jempol, Dato' Shamshulkahar Mohd Deli telah menghadiri Majlis Sambutan Hari Keluarga Dan Ramah Mesra Pemimpin Bersama Rakyat di Balai Raya Kampung Batu Peti.

"Pelbagai acara sukaneka telah diadakan dan program ini memberi ruang kepada pemimpin untuk mendekati rakyat.

"Tahniah kepada Pengerusi JP-KKOA Kampung Batu Peti, Puan Yaliyana Lenab di atas penganjuran program ini yang meriah sekali," kata Shamshulkahar.

Turut diadakan sesi taklimat dan

penerangan kepada penduduk kampung oleh Pejabat Risda Jempol, Pejabat PENERANGAN Jempol, Pejabat PERKESO Kuala Pilah, Pejabat JAKOA Jempol, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Rompin dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Senibai, Kuala Pilah.

Turut Hadir, Pegawai Khas kepada ADUN Jeram Padang, Jaazis Amin; Tok Batin, Rashid Ah Yong; Pengerusi JP-KKOA Kampung Panchor, John Baharyn Ayom dan Pengerusi JP-KKOA Kampung Singai Klebang, Selinah Derma- raju.

Malaysia Madani Jiwa Merdeka



DATO' USTAZ JAAFAR MUHAMMAD
Penasihat Agama
YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

ASAS utama pembinaan negara Malaysia MADANI yang bertamadun, sejahtera dan maju ialah mempunyai warganegara yang berjiwa merdeka.

Jiwa merdeka ialah gambaran kepada jiwa yang bebas, bersih, berilmu, cerdas, bercahaya, berakhlak mulia, bermaruah, kuat, bersemangat, bersyukur, gembira, penuh dengan sifat kasih sayang dan yang paling utama ialah dekat dengan Penyedia Sumber Kebebasan Ar-Rahman.

Rakyat yang berjiwa merdeka sentiasa berusaha untuk kebaikan, bangga dan bersyukur dengan kejayaan yang dicapai oleh negara.

Semakin ramai rakyat yang berjiwa merdeka, negara lebih maju dan sejahtera, Malaysia Madani.

Sebaliknya jiwa yang tidak merdeka ialah gambaran jiwa yang terikat, terbelit, terbenam, terbungkus dengan segala jenis kotoran, dibelit oleh kejahilan dan nafsu, terikat dengan sentimen dan fitnah, keliru, gelap, buruk akhlak, ego, ananiviyah, khianat, lemah, penuh dengan buruk sangka, penuh dengan kebencian, jiwa menderita, pedih, inferiority complex, split personality, jiwa sakit dan jauh daripada Rahmah Penyedia Kebebasan.

Rakyat yang jiwa terbelit dengan kebencian, fitnah dan kekeliruan sentiasa dihantui dengan ketakutan dan kebimbangan yang merosak dan memusnahkan.

Mungkin yang membelit itu cuma benang hitam kebencian dan fitnah yang kecil dan halus, namun belitannya telah menebal dan menjurut setiap inci jiwa mengakibatkan diri lemas dan lemah.

Tidak mampu memutuskannya



belitan itu tanpa pertolongan dan rahmat Illahi.

Pembinaan rakyat yang berjiwa merdeka seharusnya bermula dengan mengenal Pemilik dan Penyedia Sumber Kebebasan.

Tiada kebebasan tanpa Allah. Kita bebas mendengar, melihat dan bertindak, kerana Dialah yang mencipta telinga dan menyediakan pendengaran, Dialah yang mencipta mata dan menyediakan penglihatan, Dialah yang mencipta tangan dan menyediakan keupayaan.

Telinga yang pekak, mata yang buta dan tangan yang lumpuh bermakna hilang kebebasan atau tiada kebebasan.

Kerana itu kebebasan adalah sejumlah amanah daripada Pemilik dan Penyedia Kebebasan ar-Rahman.

Menyalahgunakan atau mengabaikan kebebasan bermakna tidak bersyukur dan mengkhianati amanah Allah.

Contohnya menyalahguna kebebasan bersuara dengan menyebarkan fitnah atau mendiamkan diri daripada menyatakan kebenaran, merupakan salah satu bentuk kufur nikmat dan pengkhianatan amanah Allah.

Manusia merupakan makhluk ciptaan Allah yang terbaik (ahsanu taqwim) dan terhormat (karomah insaniyyah) disediakan sejumlah kebebasan dengan pertanggungjawaban.

Diberi peluang memilih, bersyukur atau kufur, amanah atau khianat, bersih atau kotor, taqwa atau fujur.

Allah sebagai majikan, manakala manusia sebagai hamba dan petugas Illahi yang istimewa, segala keperluan bagi melaksana fungsi dan tanggungjawab disediakan oleh Allah.

Insan yang merdeka dan bebas ialah mereka yang berkhidmat dan berbakti kerana Allah, penyedia segala sumber kebebasan.

Manakala hukum atau peraturan Islam yang berupa sistem hidup yang ditetapkan oleh Allah bukan bertujuan mengikat kebebasan, sebaliknya sistem tersebut menzahirkan citra sifat ar-Rahman Ar-Rahim Pemilik kebebasan kepada manusia.

Allah lah yang lebih tahu sesuatu yang baik atau buruk ke atas manusia.

Manakala sekular mendakwa manusia perlu bebas, tidak perlu

terikat dengan sebarang peraturan atau hukum.

Hakikatnya mereka tidak bebas, bahkan terikat, terbelanggu, terpenjara dan menjadi hamba nafsu.

Seterusnya menjatuhkan martabat kemuliaan dan kehormatan manusia menjadi setaraf dengan binatang, bahkan lebih rendah.

Di antara dorongan nafsu ialah perasaan dan sentimen.

Perasaan dan sentimen bukan Tuhan, bahkan ia adalah sebahagian daripada alam yang dicipta dan disediakan oleh Allah.

Sayyidina Ali pernah membatalkan ayunan pedangnya ke atas musuh yang meludahnya.

Apabila ditanya, kenapa beliau tidak membunuh musuhnya ketika itu. Jawapannya, apabila diludah, menyebabkan beliau menjadi marah dan ingin membunuh musuhnya kerana marah.

Marah bukan Tuhan, bahkan ia adalah makhluk yang dicipta dan disediakan oleh Allah.

Jiwa taqwa menyebabkan beliau sedar bahawa beliau bukan hamba perasaan atau sentimen, bahkan beliau adalah hamba Allah yang bebas daripada terikat kepada perasaan dan sentimen.

Namun bagaimana dengan kita, adakah keputusan dan tindakan yang kita lakukan benar-benar bebas daripada ikatan perasaan dan sentimen?

Adakah keputusan dan tindakan kita bebas daripada fitnah dan kebencian?

Sejauh mana keputusan dan tindakan kita ikhlas berasaskan fakta dan ingin mendapatkan redha-Nya.

Ayuh sama-sama membangunkan Malaysia Madani dengan membina jiwa warganegara yang bebas dan merdeka.



Semangat Adat Perpatih dalam pembinaan negara Malaysia



DR. MOHD FAUZI FADZIL
Timbalan Pengerusi Biro Pendidikan
Majlis Belaya Malaysia

PERSEKUTUAN Tanah Melayu mula ditubuhkan pada 31 Ogos 1957.

Pembentukan persekutuan tersebut membawa maksud sebuah negara baru mula diwujudkan melalui penyertaan sembilan Negeri-Negeri Melayu dan dua Negeri Selat.

Asas yang dibentuk melalui Persekutuan Tanah Melayu telah dijadikan kerangka kepada pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

Fakta menarik yang perlu diketahui umum adalah apabila Persekutuan Tanah Melayu terbentuk, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan iaitu Tuanku Sir Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad telah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong (YDPA) Pertama.

Selaku YDPA Pertama, Tuanku Sir Abdul Rahman mempunyai peranan dalam membentuk kerangka sebuah negara baru yang dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu.

Justeru itu, tidak menghairankan jika wujud unsur-unsur Adat Perpatih dalam kerangka negara Malaysia yang terbina pada hari ini kerana berlaku adaptasi daripada kerangka Persekutuan Tanah Melayu apabila Malaysia ditubuhkan.

Unsur Adat Perpatih paling jelas yang dapat dilihat dalam pembinaan negara Malaysia adalah dalam isu kerakyatan di mana Adat Berkodin digunapakai dalam menerima orang bukan Bumiputera sebagai warganegara.

Adat Berkodin atau lebih dikenali sebagai Masuk Suku digunakan dalam Adat Perpatih untuk menerima seseorang individu 'luar' sebagai anggota salah satu Suku (keluarga) daripada 12 Suku yang wujud di Negeri Sembilan.

Adat Berkodin tidak menghadkan penerimaan individu ke dalam Suku di Negeri Sembilan hanya dalam kalangan Orang Melayu sahaja, terdapat kes di mana anak perempuan dari etnik Cina diterima sebagai anak angkat menggunakan Adat Berkodin.

Semangat yang diraikan melalui Adat Berkodin menjadi asas kepada penerimaan orang bukan Bumiputera sebagai warganegara di mana orang bukan Bumiputera yang dianggap sebagai rakyat kepada Sultan pada mana-mana negeri di bawah Persekutuan Tanah Melayu layak menjadi warganegara berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Selain itu, kerangka Persekutuan Tanah Melayu dari sudut pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri turut mengambil semangat daripada Adat Perpatih.

Jika dilihat secara umum di dalam pengamalan Adat Perpatih, setiap hierarki bermula daripada Buapak sehingga kepada Yamtuan Besar, telah berlaku pengagihan kuasa yang teratur.

Setiap hirarki pemerintahan dalam Adat Perpatih (Anak Buah, Buapak, Lembaga, Undang, Yamtuan Besar) mempunyai kuasa yang tersendiri dan bidang kuasa yang lebih berat diberikan kepada hierarki yang lebih tinggi.

Namun, peringkat paling bawah iaitu Anak Buah tidak diketepikan dalam sistem pemerintahan Adat Perpatih kerana Anak Buah mem-

punyai kuasa memilih seorang ketua yang dipanggil Buapak.

Seterusnya Buapak berhak memilih Lembaga, kumpulan Lembaga memilih Penghulu atau Undang dan Undang akan memilih Yamtuan Besar.

Semangat yang wujud di dalam Adat Perpatih itu kemudiannya diterjemahkan ke dalam sistem pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu di mana wujud hierarki yang jelas dalam sistem pemerintahan negeri dan persekutuan.

Rakyat di dalam Persekutuan Tanah Melayu berhak memilih pemimpin di peringkat Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat, pemimpin yang terpilih itu pula layak memilih ketua negeri dan persekutuan yang dikenali sebagai Menteri Besar/Ketua Menteri dan Perdana Menteri.

Setiap hirarki dalam Persekutuan Tanah Melayu mempunyai tingkat kuasa yang berbeza seperti yang diamalkan di dalam Adat Perpatih berdasarkan kesepakatan yang dicapai di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Unsur Adat Perpatih juga dapat dilihat dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu melalui Perkara 153 yang memberi keistimewaan kepada orang Melayu/Bumiputera.

Perkara 153 di dalam perlembagaan Persekutuan memberi keistimewaan kepada kaum Bumiputera dari segi kuota untuk masuk ke perkhidmatan awam, biasiswa awam dan pendidikan awam.

Malah kedudukan pemimpin juga diberikan keutamaan kepada Bumiputera walaupun perkara tersebut tidak termaktub secara formal di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Semangat untuk mengiktiraf kedudukan istimewa kaum Bumiputera di dalam Perlembagaan Persekutuan diambil daripada Adat Perpatih di mana telah termaktub di dalam adat tersebut bahawa individu yang datang dari perut Suku Biduanda mempunyai kelebihan sebagai pemimpin.

Keistimewaan yang diberikan kepada Suku Biduanda adalah kerana asal-usul Suku tersebut adalah dari Orang Asli suku Semang, Sakai atau Jakun yang telah mendiami daerah Negeri Sembilan sebelum Orang Minangkabau datang berhijrah pada kurun ke-14.

Wujud 11 lagi Suku di Negeri Sembilan yang merupakan suku pendatang dari Tanah Sumatera.

Sesuatu yang menarik adalah sikap sebelas Suku pendatang yang menghormati Suku Biduanda dengan memberikan keistimewaan berdasarkan Adat Perpatih.

Mengikut jumlah angka, pasti Suku pendatang dari Tanah Sumatera lebih ramai dan lebih maju adat istiadatnya, namun kedudukan penduduk asal dalam kalangan Suku Biduanda dihormati dan diiktiraf di dalam Adat Perpatih sama seperti kedudukan orang Melayu/Bumiputera di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pada hari ini, Perlembagaan Persekutuan yang kita junjung sebagai undang-undang tertinggi dibentuk menggunakan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai asasnya.

Justeru itu, tidak keterlaluan apabila dikatakan bahawa kerangka negara Malaysia yang wujud sekarang dapat diterima baik oleh segenap lapisan masyarakat kerana wujud unsur-unsur Adat Perpatih sebagai pemangkinnya.

Warga emas uzur disantuni Mohamad



Warga emas yang keuzuran mendapat perhatian **Ahli Parlimen Rembau, Dato' Seri Utama Mohamad Hasan.**

"Semoga sumbangan kewangan dan barang keperluan dapur yang diberi membantu meringankan beban penerima," kata Mohamad.

Mohamad telah menziarahi warga emas yang keuzuran di kawasan Kampung Nerasau, Kampung Penajis Bandar dan Kampung Astana Raja.

Terlebih dahulu, selepas Solat Jumaat, Mohamad juga menyantuni Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Nerasau dengan makan tengahari bersama mereka.

Program Jiwa Merdeka erat ukhwh masyarakat kampung

Pejabat Dewan Undangan Negeri Seri Menanti bersama Komuniti MADANI Gugusan Terachi telah mengadakan program Jiwa Merdeka di Kampung Ampang Batu, Terachi.



ADUN Seri Menanti, Muhammad Sufian Maradzi berkata, program ini bermula dengan senamrobik, fun walk, taklimat, cabutan bertuah dan pelbagai aktiviti menarik.

"Semoga program santai sebegini akan mengeratkan lagi ukhwh silaturrahim masyarakat Kampung Ampang Batu dan menyuburkan semangat perpaduan di kalangan kita," ujarnya.

Funwalk Felda Lui Muda galak masyarakat sihat



Program Funwalk Felda Lui Muda anjuran Pejabat Dewan Undangan Negeri Sungai Lui dan Pejabat Felda Lui Muda telah diadakan di Padang Awam Felda Lui Muda.

ADUN Sungai Lui, Dato' Mohd Razi Mohd Ali berkata, dengan penganjuran aktiviti seperti Funwalk, kita dapat memperkukuhkan tali persaudaraan dan bersama-sama menuju ke arah masyarakat yang lebih sihat dan harmoni.

"Pada masa yang sama, menyelitkan sambutan Kemerdekaan dalam program ini juga dapat mengingatkan kita akan nilai-nilai perpaduan dan kecemerlangan yang telah menyatukan rakyat Malaysia.

"Tahniah kepada semua pihak yang menyertai dan menjayakan program ini," kata Mohd Razi.

16 pelajar IPT terima komputer riba percuma dari Noorzunita



ADUN Pilah, Noorzunita Begum Mohd Ibrahim telah menyerahkan komputer riba (laptop) kepada 16 pelajar Institut Pengajian Tinggi dari DUN Pilah.

"Bantuan komputer riba ini adalah salah satu inisiatif dari Kerajaan Negeri Sembilan dan Yayasan Negeri Sembilan yang layak dan berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading.

"Saya berharap pemberian komputer riba ini membantu pelajar bagi memudahkan melakukan tugas di kampus nanti.

"Sumbangan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri amat komited bagi memastikan pendidikan di



negeri ini semakin ke hadapan.

"Hal ini supaya anak-anak di negeri ini dapat menjadi insan dan pemimpin yang cemerlang pada masa akan datang," kata Noorzunita Begum.

Pusat penjagaan warga emas terima sumbangan kewangan daripada Veerapan

Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia (MPKSM) yang menguruskan pusat penjagaan warga emas menerima sumbangan kewangan sebanyak RM5,000 daripada **ADUN Repah, Veerapan Superamaniam.**

Veerapan berkata, MPKSM menjalankan operasi di enam pusat penjagaan warga emas di seluruh Negeri Sembilan termasuk Rumah Sejahtera Tampin, di Kampung Baru Tampin.

"Saya berharap sumbangan ini membantu MPKSM dari segi kos operasi dan seterusnya menjaga kebajikan penghuni pusat ini," kata Veerapan.

Dalam pada itu, Majlis Daerah Tampin menerima sumbangan RM2,000 bagi kejohanan bowling.

Veerapan juga menyerahkan sumbangan RM3,000 kepada Tadika Arah Maju, Tampin bagi Majlis Apresiasi dan Anugerah Cemerlang Pelajar dan Persekutuan Keluarga Polis (PERKEP) Tampin menerima RM3,000 bagi penganjuran pertandingan bowling.

"Saya mengambil cakna setiap permohonan oleh mereka yang tidak berkemampuan.

"Jegan Muniandy yang mempunyai masalah kewangan sehingga tidak mampu melunaskan sewa rumahnya



menerima sumbangan kewangan sebanyak RM500.

"Letcumy Ambal Raju menerima RM1,000 bagi membiayai pembedahan 'Polytech Tissue Expander'," kata Veerapan.

Veerapan berharap sumbangan ini dapat membantu penerima dan melancarkan segala aktiviti yang telah dirancang.

Surau Kampung Pelegong terima dana RM20,000 daripada Cha

Ahli Parlimen Rasah, Cha Kee Chin menyampaikan sumbangan kewangan sebanyak RM20,000 kepada Surau Kampung Pelegong, Labu.

Cha berkata, peruntukan RM20,000 ini bagi membolehkan pihak jawatankuasa surau membaikpulih beberapa kerosakan pada premis dan struktur surau.

"Kerja membaikpulih ini sedang dilaksanakan.

"Semoga peruntukan ini dapat menceriakan para jemaah dan penduduk kampung.

"Apabila kerja-kerja membaikpulih ini siap, diharapkan ia memberi keselesaan kepada jemaah surau," ujar Cha.

Cha menyerahkan sumbangan kewangan tersebut dalam bentuk cek kepada Pengerusi Surau Kampung Pelegong, Reduan Sahid.

Dalam pada itu, Cha menyerahkan



sumbangan berjumlah RM25,000 kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kepayang sempena perasmian Hari Koperasi dan Keusahawan sekolah tersebut.

"Saya berharap sumbangan ini membantu pihak sekolah mengadakan lebih banyak aktiviti untuk kecemerlangan pelajar dan sekolah ini," kata Cha.

Bumbung 20 rumah rosak akibat ribut dibaiki segera

Beberapa kawasan di Pekan Bahau telah dilanda bencana ribut.

Kejadian ribut ini mengakibatkan 20 buah rumah mengalami kerosakan pada bumbung rumah.

Justeru itu, **ADUN Bahau**, Teo Kok Seong telah turun padang meninjau kawasan terjejas bersama pegawai dari Majlis Perbandaran Jempol.

"Saya telah melantik kontraktor untuk kerja-kerja pembaikan dan membaik pulih dengan segera.

"Saya berharap dengan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan ini, penghuni rumah ini dapat meng-



huni semula rumah masing-masing dengan lebih selesa dan selamat," ujar Teo.

Tanah mendap di Taman Bukit Sri Senawang

ADUN Seremban Jaya, P. Gunasekaran telah turun padang bagi melihat aduan tanah mendap di Taman Bukit Sri Senawang.

"Tanah mendap tersebut adalah di bahagian gelanggang futsal bersebelahan dengan balai raya.

"Aduan ini akan dipanjang ke Ahli Majlis Bandaraya Seremban, Puan Jamilah Said Ali untuk tindakan lanjut.

"Dalam pada itu, saya juga melawat beberapa lagi tempat yang mempunyai aduan bersama Kawasan Rukun Tetangga Taman Bukit Sri Senawang.

"Semua aduan ini akan diberi perhatian untuk tindakan segera," kata Gunasekaran.



Isu banjir kilat di Kampung Chengkau Ulu sedang diatasi



Masalah banjir kilat yang melibatkan beberapa rumah di Kampung Chengkau Ulu akan diselesaikan tidak lama lagi.

ADUN Kota, Suhaimi Aini berkata, kerja-kerja atasi banjir sedang dijalankan dan akan siap dalam masa terdekat.

"Insyallah isu banjir kilat melibatkan beberapa rumah di kampung

ini, yang menghantui penduduk sejak bertahun-tahun lamanya, akan selesai tidak lama lagi.

"Kerja-kerja mendalamkan longkang sedang dijalankan.

"Terima kasih kepada Pegawai Daerah dan Tanah Rembau serta Jabatan Kerja Raya Rembau di atas tindakan mengatasi masalah banjir kilat di kampung ini," kata Suhaimi.

Sambutan Hari Kebangsaan DUN Senaling dapat sambutan luar biasa



Sambutan Hari Kemerdekaan tahun ini disambut dengan lebih meriah di seluruh pelusuk tanah air.

DUN Senaling juga tidak ketinggalan menyambut Hari Kebangsaan dan Pusat Khidmat Rakyat DUN Senaling telah mengadakan sambutan Hari Kebangsaan di Padang Awam Felda Kepis, Senaling.

ADUN Senaling, Dato' Ismail Lasim berkata, program ini menerima sambutan yang cukup menggalakkan dari penduduk setempat terutamanya dari penduduk Felda Kepis itu sendiri.

"Pelbagai acara menarik yang disediakan diantaranya senamrobik, 'fun run', pertandingan mewarna, payung berhias, memanah, sukaneka, sukan rakyat, kuiz advoka-

si, pertandingan E-Sport dan juga memasak.

"Semua acara-acara ini telah disusun dan dirancang oleh Generasi Kedua Felda Kepis dengan kerjasama dari JKKR, GPW, MBFM, KAF, KEMAS dan juga NADI.

"Program ini telah menerima sambutan luar biasa dari penduduk sekitar Senaling dan menerima maklum balas yang positif dari penduduk.

"Program seperti ini amat baik dalam menerapkan dan menyemai semangat kemerdekaan kepada penduduk khususnya anak-anak kecil yang bakal mewarisi kemerdekaan negara tercinta," kata Ismail yang juga Exco Pendidikan Negeri Sembilan.

Asna hadir meriahkan Pesta Tanglung



ADUN Lenggeng, Dato' Mohd Asna Amin telah menghadiri Pesta Tanglung yang berlangsung di Kampung Baru Paroi.

Asna berkata, pesta ini anjuran bersama oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Baru Paroi serta Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kampung Baru Paroi.

"Program ini sangatlah meriah kerana dihadiri oleh pelbagai bangsa.

"Semoga suasana harmoni ini akan berkekalan di kalangan rakyat Malaysia," kata Mohd Asna.

Pesta ini dirasmikan oleh Ahli Parlimen Seremban, Anthony Loke Siew

Fook.

Dalam pada itu, masalah longkang tersumbat di Taman Ampangan, mendapat perhatian Mohd Asna.

"Semasa mengadakan program ziarah kasih di Taman Ampangan, saya sempat meninjau kerja-kerja pembersihan longkang yang tersumbat.

"Alhamdulillah masalah longkang tersumbat telah diselesaikan.

"Saya meminta penduduk setempat agar tidak membuang sampah dan sentiasa menjaga kebersihan longkang, agar masalah longkang tersumbat tidak berlaku lagi," ujar Mohd Asna.

Buang sisa pembinaan di tanah perkuburan,

Satu laporan polis telah dibuat berkaitan pembuangan sisa pembinaan di Tanah Perkuburan India Taman PD Utama.

ADUN Sri Tanjung, Dr G.Rajasekaran berkata, laporan tersebut dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Hailam, Han Ai Kuang.

"Isu sebegini perlu dipandang serius kerana ia mengganggu ketenteraman awam malah mencemari kawasan yang sepatutnya dijaga dengan kehormatan.

"Tindakan tidak bertanggungjawab ini amat dikesali dan kami menyeru pihak berkuasa agar menjalankan siasatan rapi bagi mengenal pasti pelaku serta mengambil tindakan tegas.

"Tanah perkuburan sepatutnya menjadi tempat yang harus dihormati oleh semua pihak tanpa men-



gira latar belakang.

"Kami juga menggesa pihak kontraktor-kontraktor pembinaan agar lebih bertanggungjawab dalam menguruskan sisa pembinaan mereka dan tidak mengambil jalan mudah dengan membuangnya di kawasan awam," kata Rajasekaran.

Gotong royong Kampung Jiboi Baru dapat kerjasama penduduk setempat



Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Kampung Jiboi Baru dengan kerjasama Pusat Khidmat Rakyat DUN Ampangan telah mengadakan program gotong royong.

ADUN Ampangan, Tengku Zamrah Tengku Sulaiman berkata, aktiviti gotong royong ini melibatkan kerja-kerja menebang pokok-pokok liar yang menghalang pandangan pengguna jalan raya semasa keluar masuk dari simpang jalan.

"Terima Kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dan

menjayakan aktiviti gotong royong ini," ujar Tengku Zamrah.

Dalam pada itu, Tengku Zamrah berkata, kerja-kerja membaikpulih dan mengukuh tebing sungai di kawasan Taman Lee Siew Joo, Ampangan telah pun selesai.

"Ini membuktikan kerajaan sentiasa peka dan prihatin dengan keselamatan dan kebajikan rakyat.

"Adalah juga diharapkan projek ini akan melancarkan aliran sungai dan dapat mengelakkan daripada berlakunya kejadian banjir berulang," kata Tengku Zamrah.

Kita bangun Negara MADANI!

Kita bangun Negara MADANI!," kata **ADUN Bukit Kepayang,** Nicole Tan Lee Koon di Majlis Perasmian Program Penyampaian Sumbangan Kesejahteraan Rakyat di Pusat Khidmat Rakyat DUN Bukit Kepayang.

Beliau juga menyentuh mengenai keterlibatan komuniti dalam Program Sejahtera MADANI dengan menggalakkan lebih banyak penyertaan dari akar umbi.

Di majlis tersebut, penerima sumbangan kewangan terdiri daripada NGO, KRT, persatuan penduduk, pertubuhan agama dan peserta/wakil negeri ke pertandingan antarabangsa.

"Saya juga menyampaikan Bantuan Perkahwinan Kali Pertama kepada para



penerima yang rata-rata teruja dengan Inisiatif Kerajaan Perpaduan ini," ujar Nicole Tan.

Saiful Yazan 'Rodah' Kampung Simat

Pejabat Dewan Undangan Negeri Johol dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Kampung Simat telah mengadakan program 'Moh Rodah Kampung'.

ADUN Johol, Saiful Yazan Sulaiman berkata, program ini diadakan bagi menyantuni masyarakat kampung khususnya anak muda.

"Kita mahu menerapkan budaya aktiviti yang sihat dan menasihatkan anak muda agar menjauhi daripada penyalahgunaan dadah.

"Kehadiran lebih 200 penduduk kampung memeriahkan program walaupun dalam keadaan cuaca yang tidak menentu.



"Pelbagai aktiviti termasuk sukan rakyat telah diadakan dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat," kata Saiful Yazan.

80 mangsa banjir terima bantuan daripada Parlimen Port Dickson



Sebanyak 80 buah rumah yang terjejas teruk akibat banjir di Port Dickson telah menerima bantuan daripada **Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Port Dickson**.

Pegawai Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Port Dickson, Muhd Ezam berkata, sumbangan tersebut diberikan dalam bentuk baucar yang boleh digunakan di pasaraya 'Speedmart 99'.

"Mereka boleh membeli barangan keperluan sementara sebelum rumah mereka dibersihkan semula.

"Semoga sumbangan yang diberikan ini dapat meringankan beban mereka," kata Muhd Ezam.

Sumbangan itu telah diserahkan melalui Pegawai Pusat Khidmat Parlimen Port Dickson, Muhd Ezam.

Kebersihan sungai tanggungjawab bersama



ADUN Nilai, J.Arul Kumar mengingatkan kepada orang ramai bahawa menjaga kebersihan sungai adalah tanggungjawab bersama.

Arul Kumar berkata, ini kerana sungai memainkan peranan yang penting dalam hidup kita.

"Walaupun begitu, masih terdapat segelintir pihak yang menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan sampah.

"Ia seolah-olah telah menjadi perkara biasa dalam masyarakat kita.

"Perkara ini perlu diubah sebelum menjadi lebih teruk," kata Arul Kumar.

Arul Kumar berkata demikian di Pro-

gram Kesedaran Awam Pengurusan Lembangan Sungai dan Aktiviti Gotong-Royong Komuniti Sungai Mahang.

"Terima kasih kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Seremban (JPS), Jabatan Perikanan, Jabatan Perhutanan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Sungai Mahang dan Team Pantas Nilai yang bersama-sama saya menjayakan program ini.

"Program sebegini adalah penting bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk menjaga kebersihan sungai serta alam sekitar," ujarnya lagi.

Jalaluddin santuni masyarakat Tionghua



ADUN Pertang, Dato' Seri Jalaluddin Alias telah menyantuni masyarakat Tionghua sempena sambutan Perayaan Kueh Bulan atau Mid Autumn Festival di sekitar DUN Pertang.

"Saya telah turun padang ke Pekan Simpang Pertang dan Pekan Pertang bagi menyantuni masyarakat Tionghua di sini, dan di samping itu saya juga telah mengagihkan kueh bulan bagi meraikan perayaan ini.

"Harapan saya supaya masyarakat Tionghua di Jelebu dan seluruh Negeri Sembilan dapat meraikan perayaan ini dengan penuh kesyukuran dan kemeriahan," ujar Jalaluddin yang juga Ahli Parlimen Jelebu.



Mohd Isam bantu pengusaha fertigasi cili Kampung Londah



Ahli Parlimen Tampin, Dato' Mohd Isam Mohd Isa bersama Pejabat Kecil dan Tanah Gemas telah menyerahkan peralatan bantuan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) pengusaha fertigasi cili di Desa e-Kasih, Kampung Londah.

"Saya juga menyalurkan bantuan

cocopeat bernilai RM1,500.

"Semoga segala usaha peserta ini dipermudahkan.

"Insya Allah, saya sentiasa membantu pekebun-pekebun kecil untuk menambah pendapatan," kata Mohd Isam.

Ahmad Faez santuni masyarakat Orang Asli Kampung Tekir



Pusat Khidmat Rakyat DUN Labu dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Rasah Negeri Sembilan, Persatuan Mahasiswa Negeri Sembilan Universiti Malaya dan Yayasan Negeri Sembilan telah mengadakan program 'Masyarakat Proaktif, Mahasiswa Progresif' di Kampung Orang Asli Tekir.

Penyelaras Pusat Khidmat Rakyat DUN Labu, Ahmad

Faez Abdul Razak berkata, program ini diadakan bagi menyantuni dan membantu masyarakat Orang Asli di Kampung Tekir.

"Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan adalah 'Ziarah Kasih rumah ke rumah', membaiki bumbung rumah yang rosak, servis motosikal percuma, pertandingan sepak takraw, perlawanan persahabatan

bola sepak, acara sukareka kanak-kanak dan aktiviti menyumpit.

"Alhamdulillah, program ini mendapat kerjasama yang baik dari semua pihak.

"Semoga dengan adanya program seperti ini dapat mengeratkan lagi ikatan silaturrahim sesama kita," kata Ahmad Faez.



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2024

Peringkat Negeri Sembilan





Memupuk semangat patriotisme dalam kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

Siapa yang berani mengatakan bahawa menjadi guru pendidikan khas tidak mempunyai cabaran?

Sebenarnya, dalam apa juga pekerjaan yang dilakukan atas dunia ini mempunyai cabaran yang tersendiri.

Waima, guru sendiri punyai banyak cabang dalam pendidikan.

Di Malaysia, sistem pendidikan kita menurus kepada pelbagai aliran iaitu pra-sekolah, pendidikan khas, aliran perdana (rendah dan menengah) dan juga pra-universiti (tingkatan enam).

Semangat patriotisme tidak lahir secara automatik dalam diri terutamanya kepada murid-murid yang lahir dalam zaman yang serba canggih dan tidak melalui kesusahan bagi mencapai kemerdekaan.

Semangat patriotisme sewajarnya dipupuk dari kecil lagi supaya mereka dapat menghargai kemerdekaan yang telah kita kecapai sekarang.

Siapa yang memainkan peranan mendidik mereka menyayangi tanah air? Ya, guru, cikgu. Kenapa?

Guru merupakan idola kepada murid-murid dan gurulah yang mempunyai masa paling banyak bersama murid-murid sepanjang tempoh putaran jam dalam kehidupan seharian mereka.

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) tidak terkecuali dalam agenda guru-guru di sekolah untuk diterapkan dengan semangat

patriotisme dan cintakan negara.

Secara umum, MBPK sebenarnya lebih mudah untuk diajar maksud cintakan tanah air.

Hal ini disebabkan mereka mempunyai suatu perasaan yang mendalam sekiranya mereka benar-benar fokus kepada sesuatu perkara.

Namun, seperti kaedah pengajaran bertema, penerapan ini kebiasaannya hanya diterapkan dalam bulan Ogos setiap tahun.

Bagaimana pula dengan bulan-bulan yang lain? Adakah kita tidak perlu meniupkan semangat cintakan tanah air itu di bulan lain?

Sepanjang tempoh menjadi guru pendidikan khas, dapat dilihat penerapan patriotisme ini berlaku di mana sahaja dan di dalam apa juga subjek yang diajar oleh guru.

Kandungan di dalam buku teks Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) dilihat sebagai satu wadah penerapan cintakan Malaysia.

Kandungan di dalamnya semuanya berteraskan kepada landasan yang berfokus kepada kesejahteraan Malaysia.

Contohnya, watak-watak yang terdapat di dalam buku tersebut terdiri dari pelbagai kaum.

BPK perlukan pengajaran yang berulang agar mereka dapat mengingat dan mengamalkan apa yang dipelajari.

Mereka juga seperti kanak-kanak yang diibaratkan seperti kain putih yang bersih lagi suci.

Gurulah yang perlu



ABDUL HALIM MOHD NASA
Guru Pendidikan Khas
SMK Tunku Ampuan Durah, Seremban

bertanggungjawab dalam mencorakkan dan meniupkan semangat kecintaan kepada negara terutamanya ketika mereka masih lagi berada di bangku sekolah.

Dalam Pendidikan Khas, terdapat satu sistem penilaian yang telah dibangunkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama dengan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) iaitu Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM).

Penilaian ini adalah khusus untuk murid Pendidikan Khas bagi menggantikan peperiksaan awam.

Di dalam salah satu Instrumen Pentaksiran Berasaskan Persekitaran (EBAI) yang diuji adalah mengenai Hari Patriotik iaitu EBAI yang ketujuh. Hal ini jelas menunjukkan bahawa patriotisme merupakan salah satu elemen yang dititik beratkan terhadap MBPK.

Melalui PASM, guru akan menilai murid bukan hanya dalam bulan Ogos semata-mata.

Penilaian juga bukan berlaku dalam kawasan sekolah sahaja, malah kebersamaan murid dalam masyarakat juga diambil kira dan menyumbang kepada mata yang lebih tinggi.

Aktiviti yang sering dilakukan oleh murid tipikal

lain di sekolah seperti menghias kelas sempena hari kemerdekaan, menyanyi lagu patriotik ataupun mendeklamasikan sajak kini juga menjadi sebahagian MBPK di sekolah.

Jika sebelum ini, mereka hanya mengetahui secara umum negara kita pernah dijajah sebelum mendapat kemerdekaan.

Dengan adanya aktiviti-aktiviti lain yang berbentuk permainan atau kuiz banyak membantu mereka memahami kemerdekaan dan semangat cintakan tanah air.

Tayangan gambar atau filem berkenaan penjajahan juga membantu MBPK memahami lebih mendalam semangat cintakan Malaysia.

Maklumat yang disampaikan melalui filem dan juga lakonan lebih membantu MBPK kerana pembelajaran secara visual dapat membantu mereka mendalami dan memahami cerita dan objektif yang ingin disampaikan.

MBPK banyak belajar melalui pengamatan dan pemerhatian mereka sehari-hari.

Sekiranya semangat patriotisme dapat diterapkan setiap masa dalam apa juga aktiviti dan pelajaran mereka, sudah pasti semangat mereka tidak sempat luntur dan pudar.

Kesimpulannya, memupuk semangat patriotisme dalam kalangan MBPK bukan suatu hal yang mudah.

Banyak cabaran yang perlu ditempuh dan dilalui yang tidak dapat diceritakan melalui penulisan ini.

Pendek kata, MBPK juga tidak terkecuali dalam penerimaan pendidikan mengenai semangat patriotisme dan cintakan tanah air.

Walaupun mereka sangat istimewa, mereka juga manusia yang hidup di atas bumi Malaysia yang bertuah ini yang berhak cintakan tanah air mereka.

2024 Aspirasi Negeri Sembilan

INISIATIF BARU BAYI & KANAK-KANAK

GARUMAN SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL BERNILAI (CARUMAN ONE-OFF)

RM100

BAGI KELAHIRAN BARU ANAK-ANAK NEGERI SEMBILAN

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

- BAYI BARU LAHIR BERMULA 1 JANUARI 2024
- IBU ATAU BAPA PENGUNDI BERDAFTAR DI NEGERI SEMBILAN
- ANAK LAHIR DI NEGERI SEMBILAN
- PENDAPATAN ISI RUMAH DI BAWAH RM 4,000.00

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- SALINAN SIJIL LAHIR BAYI
- SALINAN MYKAD IBU BAPA
- SALINAN SLIP GAJI TERKINI ATAU PENGESAHAN PENDAPATAN
- SALINAN SLIP SPR MENGUNDI IBU ATAU BAPA

PERMOHONAN MELALUI

Web <https://www.n9.digital/> atau Aplikasi: **N9. DIGITAL**

Kementerian Pendidikan ambil langkah proaktif mantapkan guru Bahasa Inggeris

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin dan sentiasa mengambil langkah



proaktif untuk terus memantapkan keupayaan guru Bahasa Inggeris dalam melaksanakan pedagogi bermakna yang memanfaatkan pembelajaran murid dalam Bahasa Inggeris (BI).

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan Dasar MBMMBI, pelbagai inisiatif dan program pembangunan profesionalisme untuk guru yang mengajar BI telah dilaksanakan.

Antaranya ialah:

1. Kursus English for Preschool Teachers (EPT) ialah program untuk guru prasekolah di bawah KPM dan juga telah diperluaskan kepada guru prasekolah daripada agensi lain seperti KEMAS dan Institut Kemajuan Latihan dan Integrasi Nasional (IKLIN).

2. Program Professional Upskilling of English Language Teachers (Pro-ELT) bertujuan memastikan semua guru BI di semua institusi pendidikan KPM mencapai tahap minimum C1 dalam CEFR.

Guru yang belum mencapai

tahap C1 perlu mengambil ujian penguasaan BI mulai tahun 2019.

3. Pelantar latihan Bahasa Inggeris Integrated Microlearning Programme with Robust Virtual Experience (IMPROVE) yang menawarkan kursus akses sendiri dalam talian untuk membantu pembangunan kemahiran dan pengetahuan guru Bahasa Inggeris.

4. Program Guru Novis di bawah program kerjasama KPM dan Teach For Malaysia (TFM) bagi memperkasa pedagogi guru.

KPM, KPT dan MOSTI bergabung perkasakan STEM

PUTRAJAYA: Salah satu agenda hala tuju negara ialah pemerkasaan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) merangkumi dimensi kualiti kandungan, kuantiti penyertaan, capaian penguasaan dan praktik pengaplikasian.

Di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), satu jawatankuasa khas STEM di bawah agenda payung Reformasi Pendidikan telah ditubuhkan, bagi melaksanakan sasaran penambahbaikan gerak kerja strategik bagi pemerkasaan



pendidikan STEM, selari dengan aspirasi dan hala tuju negara kini.

Justeru itu, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, koordinasi bersama antara tiga kementerian tonggak iaitu KPM, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dinilai sangat penting khasnya



dalam menyelaras kegiatan dan melonjak usaha serta inisiatif di peringkat masing-masing dalam suatu landskap ekosistem STEM negara.

"Tempoh setahun lebih dalam pentadbiran kerajaan ini telah dimanfaatkan sepenuhnya untuk kerja-kerja awalan, maka pelaksanaan berskala penuh

untuk pemerkasaan bidang STEM sedang dijangka.

"Keyakinan kita, perubahan signifikan akan terzhahir hasilnya tidak lama lagi, melihat kepada kesungguhan pelbagai pihak dalam memberikan dukungan kepada fokus STEM di negara ini.

"Untuk rekod, mesyuarat penyelarasan STEM melibatkan KPM, KPT dan MOSTI telah diadakan pada 29 Mei 2024, bertempat di Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya, dengan dihadiri oleh teraju utama bagi kementerian masing-masing," kata Fadhlina.

NEST bakal lahirkan anak muda berkemahiran tinggi

SEREMBAN: Negeri Sembilan Career Development and Talent Empowerment Centre (NEST) atau Pusat Pembangunan Bakat dan Kerjaya Negeri Sembilan akan menjadi nadi utama dalam usaha untuk memperkasa bakat dan kerjaya di negeri ini.



Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Aminuddin Harun berkata, NEST akan berperanan sebagai pusat rujukan utama bagi para pekerja, graduan dan pelajar yang ingin meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran mereka khususnya di Negeri Sembilan.

"Buat masa ini NEST telah pun bergerak secara kecil-kecilan di bawah Segmen Pembangunan Insan, Yayasan Negeri Negeri Sembilan.

"Beberapa program telah pun digerakkan seperti Protégé iaitu penempatan perintis muda di Yayasan Negeri Sembilan (YNS) dan Akademi dalam Industri iaitu kerjasama bersama Malaysia Productivity Corporation (MPC) mencari anak-anak muda Negeri Sembilan khususnya yang tidak mempunyai SPM untuk belajar dan bekerja dalam masa yang sama yang akhirnya mendapat sijil akademik dan pekerjaan yang stabil," ujar Aminuddin.

Aminuddin juga berkata, NEST juga akan menjadi penghubung antara industri, institusi pendidikan dan pekerja; dengan menawarkan pelbagai program dan inisiatif yang relevan dan berfokuskan keperluan pasaran kerja masa kini.

"Melalui NEST, kita yakin dapat membantu lebih ramai rakyat khususnya anak muda Negeri Sembilan mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran dan minat mereka, seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dan under-employment di negeri ini.

"NEST juga diyakini mampu melahirkan bakat-bakat terbaik bagi memenuhi keperluan pelaburan dan pembangunan negeri yang sangat-sangat memerlukan bakat-bakat berkemahiran tinggi.

"Saya percaya bahawa dengan adanya kolaborasi yang erat antara semua pihak, kita mampu menjadikan Negeri Sembilan sebagai negeri yang unggul dalam koridor pembangunan bakat dan kerjaya.

"Marilah kita bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam

merealisasikan visi ini," ulas Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian di Majlis Penutup Seminar Pembangunan Kerjaya Negeri Sembilan (SPARK) 2024 di Dewan Majlis Bandaraya Seremban.

Dalam pada itu, dalam konteks NEST, YNS berhasrat untuk membina kerjasama rapat dan berterusan dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

"Justeru itu, YNS telah mengadakan seminar (SPARK) untuk guru kaunseling yang datang dari seluruh pelusuk Negeri Sembilan bagi sama-sama membangunkan bakat anak-anak negeri sejak di bangku sekolah sehingga mereka mendapatkan kerjaya yang selayaknya dan berpendapatan tinggi terutamanya di Negeri Sembilan," jelas Aminuddin.

14 Taman Industri Halal berkeluasan 13,533 ekar berpotensi menarik pelabur asing

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, hanya 11 peratus daripada keseluruhan Taman Industri Halal yang dibangunkan sejak 2009 mencapai matlamatnya.

"Beberapa isu utama telah dikenalpasti, antaranya adalah kekurangan insentif yang jelas bagi Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (PMKS), infrastruktur yang masih belum mencukupi, serta keterbatasan rangkaian pengangkutan awam.

"Ini semua perlu diperbaiki untuk menarik lebih ramai pelabur dan menggalakkan pembangunan yang lebih holistik.

"Mesyuarat telah bersetuju untuk melantik Halal Development Corporation (HDC) sebagai sekretariat bagi Jawatankuasa Petugas ini," ujar beliau.

Ahmad Zahid berkata demikian dalam Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Penambahbaikan Taman Industri Halal Bil.1/2024.

Mesyuarat ini adalah susulan daripada Majlis Pembangunan Industri Halal (MPIH) yang telah diadakan pada Jun lalu,

Menurut Ahmad Zahid, kerajaan juga akan melihat keperluan untuk memperluas strategi pemasaran jenama tempatan melalui kaedah Original Equipment Manufacturer (OEM), serta memperluas penggunaan bahan-bahan halal dalam industri.

"Saya lihat, pembangunan kesemua 14 Taman Industri Halal yang berkeluasan 13,533.11 ekar ini berpotensi untuk menarik lebih banyak pelaburan tempatan dan asing.

"Ini bukan sahaja akan mewujudkan peluang pekerjaan baharu tetapi juga akan memberi kesan positif kepada ekonomi negara.

"Oleh itu, saya sangat berharap agar platform ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak yang terlibat untuk membawa industri halal Malaysia ke tahap yang lebih tinggi seterusnya menjadikan Malaysia peneraju dalam industri halal dunia," ulas Ahmad Zahid.



Malaysia dan New Zealand setuju kukuh perdagangan dan pelaburan

PUTRAJAYA: Kerajaan Malaysia dan Kerajaan New Zealand telah bersetuju untuk memperkukuh kerjasama dalam perdagangan, pelaburan dan penyelidikan melibatkan semua bidang, terutamanya dalam industri halal.

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, meskipun potensi dan hubungan baik yang dinikmati selama ini, namun agak malang jika kedua-dua negara masih belum dapat mengambil langkah untuk memperkukuh kerjasama itu.

"Justeru itu, dalam mesyuarat Kabinet, saya akan mendapatkan nasihat mengenai perkara yang perlu dilakukan dengan pantas bagi mengorak laluan untuk jalinan dan persahabatan yang lebih erat dengan New Zealand," ujarnya.

Anwar berkata demikian dalam sidang media bersama Perdana Menteri New Zealand Christopher Luxon bersempena dengan lawatan rasminya ke negara ini. Dalam pada itu, Anwar turut menyampaikan harapan agar New Zealand dapat menimbangkan kemungkinan melonggarkan kema-

sukan lebih ramai pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang baharu di negara itu.

"Ia antara lain bagi program pasca siswazah dalam bidang-bidang baharu termasuk bidang pengajian berkaitan peralihan tenaga dan teknologi makanan.

"Intihanya, perbincangan yang berjaya dengan Luxon juga menyentuh mengenai usaha untuk mengukuhkan hubungan yang telah lama terjalin dalam bidang-bidang yang digariskan dalam perkongsian strategik iaitu; kemakmuran, rakyat, dan keamanan dan keselamatan," jelas Anwar.



Perbadanan NS dan CIDB bangunkan kemahiran industri pembinaan di Negeri Sembilan

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan menerusi Perbadanan NS telah bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melalui Memorandum of Understanding (MOU) yang telah ditandatangani pada 23 Mei 2024.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, inisiatif ini diambil dalam usaha memastikan tena-

ga kerja di Negeri Sembilan kompeten dan berdaya tahan dalam arus pembangunan industri global,

"Kerjasama ini adalah bagi menggalakkan dan menghubungkan pembangunan kemahiran dengan industri yang berpotensi di Negeri Sembilan.

"Jalinan kerjasama antara Perbadanan NS dan CIDB dilihat mampu meningkatkan kualiti industri pembinaan melalui

pembangunan tenaga kerja, peningkatan kualiti, keselamatan dan kesihatan serta penempatan kakitangan dan kontraktor terlatih," kata Aminuddin.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, Kerajaan Negeri menyambut baik dan menyokong hasrat CIDB bagi membangunkan Kompleks CIDB Wilayah Tengah Semenanjung Malaysia di Negeri Sembilan.

"Semoga usaha ini dapat direalisasikan demi kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan.

"Dengan adanya kerjasama strategik dengan pihak swasta dan kerajaan ini, kita berharap dapat mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dan menyeluruh, seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat Negeri Sembilan," ujar Aminuddin.

Resort beroperasi tanpa kebenaran perlu mohon Kebenaran Merancang

SEREMBAN: Resort atau chalet yang beroperasi tanpa kebenaran dalam Negeri Sembilan di kawasan berisiko tinggi seperti kawasan bukit, lereng bukit dan beberapa kawasan lain perlu memohon Kebenaran Merancang (KM) melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.

Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan, J.Arul Kumar berkata, hal ini kerana terdapat lebih kurang 50 buah resort atau chalet yang beroperasi di kawasan berisiko tinggi tidak mempunyai permit Kebenaran Merancang.



"Oleh itu, Kerajaan Negeri bersetuju mengambil langkah untuk melakukan pemutihan ini bagi mengelakkan sebarang insiden tidak diingini daripada berlaku.

"Dalam pada itu, semua PBT

akan mengeluarkan Notis Permintaan Mengemukakan Kebenaran Merancang (KM) kepada semua operator atau pengusaha resort dan chalet yang dikenal pasti berada dalam kawasan berisiko bermula sekarang.

"Sekiranya pengusaha enggan mengemukakan permohonan dalam masa yang ditetapkan tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan oleh PBT masing-masing.

"Perkara sama pernah dilakukan ke atas tapak-tapak perkhemahan di Negeri Sembilan di mana tapak perkhemahan yang tidak

mengemukakan sebarang permohonan kepada PBT sebelum 31 Disember ini akan diambil tindakan penguatkuasaan termasuk menyita premis tersebut.

"Tindakan yang lebih tegas seperti ini perlu diambil untuk memastikan setiap premis yang dikunjungi oleh orang awam sentiasa selamat dan tidak menyebabkan sebarang insiden berulang lagi," kata Arul Kumar.

Zon Ekonomi Khas Johor - Singapura tarik perhatian pelabur asing

JOHOR BAHRU: Zon Ekonomi Khas Johor - Singapura (JS-SEZ) yang dilaksanakan oleh Kerajaan MADANI hari ini telah berjaya menarik perhatian pelaburan antarabangsa, memandangkan potensi dan peluang besar yang bakal dicipta.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, hal ini demikian kerana kedudukan Johor dan Singapura yang berhampiran mampu menawarkan potensi ekonomi yang besar untuk diteroka.

"Kelebihan yang dimiliki Singapura dalam akses

teknologi dan modal di samping Malaysia mampu menyediakan ruang dan tenaga kerja.

"Sinergi antara kedua-dua negara ini mampu melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke tahap yang lebih tinggi.

"Selain itu, Malaysia juga perlu meneroka dimensi baharu dalam perdagangan dan kerjasama antarabangsa untuk membantu syarikat tempatan meluaskan pasaran serta membina modal insan berkemahiran tinggi yang memenuhi keperluan global semasa.



"Malaysia dan Singapura sudah pun menandatangani memorandum persefahaman (MoU) pada Januari 2024 dengan butiran lanjut perjanjian antara dua buah negara dijangka akan dimuktamadkan pada September 2024.

"Nilai tambah JS-SEZ perlu dipacu oleh sektor swasta, memandangkan keputusan pelaburan utama akan ditentukan oleh pemodal teroka dan ekuiti swasta yang akan membuka operasi di zon ini," kata Rafizi.

PMX bincang pembangunan ekonomi dan kesejahteraan negara dengan MB dan KM

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mempengerusikan mesyuarat Menteri Besar (MB) dan Ketua Menteri (KM) yang ke-144 di Putrajaya.

"Ruang ini penting untuk membincangkan dan memperhebatkan lagi kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

"Khususnya yang terkait pemanfaatan infrastruktur untuk rakyat selain pembangunan ekonomi serta kesejahteraan negara," ujar Anwar ringkas.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Dato' Seri Fadillah Yusof.



Khutbah Jumaat

HARGAILAH SEBUAH PERKAHWINAN

Tarikh: 6 September 2024
 Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS)

Keluarga merupakan institusi yang amat penting dalam sesebuah masyarakat.

Bermula dengan sebuah institusi yang kecil yang terdiri daripada ibu, bapa dan anak, seterusnya berkembang menjadi desa, daerah, negeri dan negara.

Keluarga tidak boleh hidup bersendirian kerana komuniti yang teguh memerlukan keluarga sebagai penyokong.

Jika keluarga-keluarga yang ada dalam sesebuah komuniti rosak, maka runtuhlah komuniti tersebut.

Peranan suami dan isteri sangat diperlukan untuk mewujudkan kebahagiaan atau sakinah dalam keluarga.

Firman Allah 'Azzawajalla dalam surah ar-Rum ayat 21 bermaksud: "Antara tanda kekuasaan Allah termasuklah menciptakan untukmu isteri-isteri daripada jenismu sendiri supaya kamu dapat merasai ketenangan dengannya.

Dia, yakni Allah menjadikan antara kamu perasaan kasih dan sayang.

Sesungguhnya dalam hal ini ada tanda kebesaran Allah bagi golongan yang berfikir".

Suami dan isteri perlu bertanggungjawab supaya keluarga dapat memenuhi tuntutan syariat Islam.

Sebaik sahaja mereka sah diikatkan sebagai suami dan isteri maka bermulalah tanggungjawab yang berat tersebut.

Suami tidak boleh mengemudikan rumah tangga sebagaimana orang bujang manakala isteri pula tidak sepatutnya berlagak seperti gadis sedangkan masing-masing sudah memikul tanggungjawab.

Mutakhir ini banyak berlaku keruntuhan institusi keluarga dan pembubaran perkahwinan.

Statistik kes pembubaran perkahwinan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan merekodkan sejumlah 1,701 kes tuntutan perceraian telah didaftarkan sepanjang tahun 2023.

Pendaftaran kes pembubaran perkahwinan termasuklah kes tuntutan perceraian, tuntutan pengesahan lafaz cerai, tuntutan pengesahan cerai taklik, tuntutan khuluk/tebus talak, tuntutan fasakh dan permohonan faraq nikah.

Jumlah ini agak membimbangkan kerana antara faktor utama berlakunya perceraian termasuklah hilangnya persefahaman antara pasangan walhal sesetengah permasalahan boleh diselesaikan tanpa proses perceraian.

Apabila perceraian berlaku, maka anak-anak menjadi mangsa.

Nafkah mereka diabaikan dan kasih sayang dijauhkan.

Meskipun mahkamah telah menetapkan bapa perlu memberikan nafkah kepada anaknya sendiri, tetapi masih ada dalam kalangan bapa yang bersikap lepas tangan 'buek-buek' tak tahu.

Hal ini amatlah menyedihkan kerana bapa yang curang sebenarnya ibarat memakan harta orang lain secara salah dan batil.

Syarak membenarkan perceraian atas sebab yang konkrit sekiranya suami isteri sudah tidak menemui jalan penyelesaian.

Akan tetapi, para suami hendaklah ingat bahawa perbuatan melafazkan cerai di luar mahkamah merupakan kesalahan yang boleh menyebabkan pelakunya dikenakan denda.

Ada banyak faktor yang menyebabkan perceraian boleh berlaku.

Antaranya termasuklah sikap suami isteri yang pembengis dan payah menahan kesabaran biarpun hanya kesilapan yang kecil, amat kedekut dan bakhil dalam nafkah yang wajib untuk keluarga sedangkan suami atau isteri itu mampu menunaikannya, campur tangan orang ketiga yang berniat jahat dan menjadi batu api dan suami atau isteri yang terlalu leka dengan media sosial sehingga mengabaikan tanggungjawab.

Selain itu juga, ada yang menganggap perkahwinan ini hanyalah untuk memenuhi kehendak nafsu seks semata-mata sehingga sanggup mencemarkan kemuliaan perkahwinan dengan aktiviti seks bebas.

Penglibatan pasangan dengan aktiviti terlarang seperti ini membawa kesan yang buruk terhadap perkahwinan.

Hal ini amatlah menyedihkan kita kerana hakikatnya perkahwinan ialah peluang untuk meraih pahala.

Aktiviti terlarang untuk pasangan yang sudah berumah tangga adalah salah dan bertentangan dengan objektif syarak.

Untuk membina rumah tangga yang bahagia dan sakinah, marilah kita mengamalkan kaedah yang berikut:

Pertama: Menimba ilmu rumah tangga termasuklah hukum hakam dan ilmu psikologi.

Tidak dinafikan, kursus pra perkahwinan adalah penting tetapi ilmu hendaklah disertai dengan amalan agar manfaatnya berpanjangan.

Kedua: Sekiranya berlaku perselisihan, dapatkanlah nasihat daripada Unit Runding Cara, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri atau Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

Ketiga: Mengelakkan perbuatan mendedahkan apa-apa yang berlaku dalam rumah tangga dalam media sosial.

Kita tidak mahu perkara yang kecil akhirnya diperbesarkan oleh pandangan netizen yang mengambil kesempatan dalam media sosial dan suka melihat rumah tangga orang lain lingkup.

Keempat: Mengamalkan kesabaran kerana sedangkan lidah lagi tergigit.

Kelima: Menghindari pergaulan bebas yang melampau dengan rakan sekerja atau dengan



individu yang bukan mahram kerana perbuatan ini boleh menjerumuskan dalam dosa yang lebih besar.

Bahkan perbuatan curang yang berlaku di tempat kerja juga semakin membimbangkan.

Oleh itu, Islam amat menitik beratkan soal ikhtilat atau percampuran dalam pergaulan antara lelaki dengan perempuan.

Kesimpulannya, keluarga yang bahagia dan kukuh memerlukan peranan yang bertanggungjawab daripada suami dan isteri untuk mematuhi tuntutan syariat Islam.

Namun, masalah seperti perceraian semakin meningkat di Negeri Sembilan adalah disebabkan hilangnya persefahaman, campur tangan pihak ketiga, dan sikap yang tidak bertanggungjawab.

Untuk mengatasi masalah ini, pasangan perlu menimba ilmu rumah tangga, mencari nasihat kaunseling jika perlu, dan mengamalkan kesabaran serta adab dalam pergaulan.

Pengaruh negatif media sosial juga perlu dielakkan agar masalah kecil tidak diperbesar.

Dalam Islam, menjaga batas pergaulan dan ikhtilat sangat penting untuk mengelakkan keruntuhan rumah tangga.



SENARAI RUMAH SEMBELIH @ NEGERI SEMBILAN YANG MEMILIKI PENSIJILAN HALAL MALAYSIA

DELIMA EMAS
PK AGRO INDUSTRIAL
KERABAT PROCESSING HOUSE
MASTERLY FOOD INDUSTRY
GEMILANG BESTARI
ERA BUMI AYAM SEGAR
ABAH POULTRY SERVICES
MOHD FARID BIN SHOLAINIA
HAMIDAH BINTI MAR
WAN ISMAIL & FAMILY
S RIZ ENTERPRISE
MYA NUUR BAROQAH
ABD HALIM SHAH
AYAM CANTEQ

GEMESTA PUYUH
EAST ASIA RABBIT

JPV SENAWANG
JPV KUALA PILAH
SYARIKAT PERNIAGAAN HAJI BUDIN

Jumlah : 19 Premis
Tarikh kemaskini : Ogos 2024

RUANG IKLAN UNTUK DISEWA

HUBUNGI 0105392654

Nikah tanpa izin catat 632 kes di Negeri Sembilan

SEREMBAN: Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Negeri Sembilan (JHEAINS) sejak tahun 2020 hingga Julai tahun ini, sebanyak 632 kes nikah tanpa izin dicatatkan di Negeri Sembilan.

Jumlah tertinggi adalah disebabkan oleh poligami sebanyak 315 kes dan sebanyak 102 kes berkahwin kerana keluarga tidak bersetuju. Manakala, sebanyak 26 kes adalah tidak tahu prosedur perkahwinan dan menganggap prosedur perkahwinan menyusahkan sebanyak 21 kes.

Masyarakat hari ini masih kurang pengetahuan akan akibat tidak mendaftarkan perkahwinan di negara ini yang mampu menjadi faktor pelbagai masalah kemudian hari.

Antara masalah yang bakal dihadapi adalah pendaftaran semula pernikahan yang memerlukan proses dokumentasi dan pengesahan mahkamah. Pendaftaran kelahiran anak juga menjadi sulit kerana memerlukan pengesahan taraf nasab dan kewarganegaraan yang akhirnya mengakibatkan mereka sukar mendapatkan bantuan perubatan, pendidikan dan perkahwinan.

Janganlah disebabkan nafsu sementara, menanggung payah selamanya.

Selain itu, pembahagian harta pusaka kepada waris juga akan menghadapi kesukaran kerana kegagalan mendapatkan dokumen pernikahan yang diiktiraf.



Nak tahu apa yang terkini dan best tentang Negeri Sembilan?

LAYARI PORTAL NEGERI KITA

www.negerikita.org



Program PENJANA KPT-CAP bantu graduan dapat peluang pekerjaan

PORT DICKSON: Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi atau lebih dikenali sebagai PENJANA-KPT-CAP (Career Advancement Programme) adalah salah satu inisiatif penting kerajaan dalam usaha menangani cabaran kebolehpasaran graduan serta mengurangkan pengangguran yang disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, Program PENJANA KPT-CAP, yang terdiri daripada empat trek utama, iaitu Place and Train, Keusahawanan, Gig Economy, dan Job Creation, adalah satu langkah yang komprehensif dalam membantu graduan meningkatkan kemahiran dan mendapatkan penempatan pekerjaan atau pembiayaan kewangan bagi perniagaan mereka.

"Ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan golongan graduan kita bukan sahaja berdaya saing, tetapi juga mempunyai masa depan yang cerah.

"Berdasarkan angka yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara bagi tahun 2022, jumlah siswazah yang dikategorikan sebagai penganggur berjumlah 187,800 orang.

"Manakala jumlah bilangan Luar Tenaga Buruh Malaysia adalah seramai 862,600 orang, yang mana sebahagian dari kumpulan ini adalah dari kalangan siswazah yang tidak berminat mencari pekerjaan.

"Melalui data-data ini, jika tidak ada sebarang inisiatif atau usaha bersepadu dari pihak kerajaan, NGO atau badan swasta, ini akan memberi kesan yang tidak baik kepada pembangunan negara kita," ujar Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian di Majlis Pelancaran Program PENJANA KPT-CAP Siri Kedua di Politeknik Port Dickson.

Dalam pada itu, Aminuddin turut menyaksikan upacara menandatangani usahasama antara pihak Politeknik Port Dickson bersama Koperasi Kebuniti Selangor Berhad.

"Kerjasama ini sudah pasti bakal menjadi pemangkin kepada pembangunan teknologi pertanian moden dan pengkomersialan produk pertanian yang lebih berdaya saing di pasaran," katanya.

Menurut Aminuddin, Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa menitikberatkan pembangunan sumber manusia yang berkemahiran tinggi sebagai asas

kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

"Dalam konteks ini, saya ingin mengajak semua pihak untuk menjalin kerjasama erat antara Koperasi Kebuniti Selangor Berhad (KOBUNITI), Universiti Putra Malaysia (UPM), dan Politeknik Port Dickson.

"Kerjasama ini boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan teknologi pertanian moden dan pengkomersialan produk pertanian yang lebih berdaya saing di pasaran.

"Kerajaan Negeri Sembilan juga sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dalam pembangunan sektor pertanian di Negeri Sembilan.

"Dalam Belanjawan Negeri 2024, peruntukan bagi Teras Pertanian berjumlah RM22.75 juta yang mana terdapat program peningkatan hasil tanaman buah, sayur dan padi, program peningkatan kualiti dan pengembangan veterinar, program transformasi kaedah pertanian dan program pengeluaran ternakan dan genetik ternakan," jelas Aminuddin.

Aminuddin berkata, Majlis Perundingan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negeri

Sembilan adalah medium terbaik bagi meningkatkan jumlah tenaga mahir yang diperlukan oleh industri.

"Majlis ini juga memberi tumpuan kepada intervensi 'quick-wins' yang akan mempercepatkan penempatan pekerjaan, seterusnya mengurangkan isu kekurangan pekerja dalam industri.

"Negeri Sembilan dengan kedudukannya yang strategik di selatan Lembah Klang, berupaya menerima limpahan pembangunan daripada kawasan pesat ini, terutama dalam sektor pembuatan.

"Kerajaan Negeri juga giat mempromosikan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui program Peningkatan Kemahiran dan Pemahiran Semula bagi pekerja mahir dan separa mahir.

"Program Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) yang menyasarkan seramai 400 perantis tahun depan, juga merupakan satu inisiatif yang penting untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dalam sektor-sektor penting seperti kereta elektrik (EV), komposit aeroangkasa, dan pertanian," ujarnya lagi.



Nelayan Port Dickson terima pampasan RM1,000 sebulan

SEREMBAN: Seramai 31 nelayan yang terkesan dengan projek pembangunan Lexis Hibiscus 2 di Port Dickson menerima pampasan RM1,000 sebulan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, Kerajaan Negeri melalui MBI telah berbincang dengan Kuala Lumpur Metropolitan (M) Sdn Bhd (KL Metro) dan pihak KL Metro bersetuju untuk memperuntukkan bayaran CSR selama minimum lima tahun bagi program-program CSR di Negeri Sembilan termasuk pampasan nelayan di kawasan Kampung Telok Pelandok.

"Penerima telah menerima pampasan sebanyak RM1,000 sejak bulan Jun lalu dan bayaran pampasan ini akan berterusan sehingga selama minimum lima tahun bagi memastikan para nelayan yang terlibat tidak terjejas dari

segi hasil pendapatan.

"Penerima dari kalangan ahli Persatuan Nelayan Kawasan Telok Kemang (PNKTK) terdiri daripada 20 orang pemilik bot dan 11 orang awak-awak di mana penerima merupakan nelayan vessel tradisional.

"Sememangnya lokasi yang terlibat dalam Pembangunan Lexis Hibiscus 2 merupakan sebahagian dari lokasi penangkapan hasil laut oleh PNKTK



yang berpangkalan di Pengkalan Telok Pelandok sebelum ini.

"Umumnya, nelayan yang berdaftar di Port Dickson adalah seramai 611 orang dengan jumlah tangkapan sebanyak 187 metrik tan yang dianggarkan bernilai RM 3.1 juta.

"Secara khususnya, nelayan di Pengkalan Nelayan Telok Pelandok menyumbang 6 peratus dari hasil tangkapan keseluruhan di Port Dickson," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata, kerja-kerja pembinaan Lexis Hibiscus 2 telah bermula pada bulan Jun 2024 dan majlis perasmian pecah tanah telah diadakan pada 26 Julai 2024.

"Projek yang berimpak tinggi kepada pembangunan industri pelancongan negeri ini melibatkan kawasan yang menjadi lokasi awal para nelayan beroperasi sama ada untuk penangkapan hasil laut atau laluan bot untuk menaikkan hasil tangkapan.

"Projek ini akan berjalan selama lima tahun bermula tahun 2024 hingga tahun 2029 dengan nilai pembangunan sebanyak RM1.6 bilion.

"Komponen projek terdiri daripada 1,710 buah unit bilik iaitu 910 buah unit water homes dan 800-unit hotel suites," jelas Aminuddin.

KEMERDEKAAN adalah cita-cita



MUHAMAD HANAPI JAMALUDIN
Presiden Benevolent

BAHAGIAN 2

Penjajahan Jawiraya

Bermula 1511 oleh pendaratan Portugis di Melaka berakhir dengan kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957; dalam rentang waktu 446 tahun, seluruh wilayah Jawiraya telah berhasil menyambut pendaratan kolonial.

Termasuk Maluku, Ambon, Sumatera, Jawa, Kemboja dan Filipina; daripada detik berkenaan kita saksikan babak perjuangan kemerdekaan yang digerakkan oleh sebilangan para pemuda.

Keterujaan kita berganda oleh dorongan yang memotori mereka ini adalah cinta.

Kita sisihkan pergerakan yang didorong oleh faktor modal, atau alat bantuan kolonial seperti yang sering didendang dan dilagukan sejarah.

Perhatian makalah ini tentang keberahian para pemuda yang tiada lain dorongannya untuk melihat tanah air ini merdeka selain oleh cinta.

Idea Melayu Raya Sebagai Bangsa Cita

Bangkitnya semangat mengusir penjajah di Alam Melayu seluruhnya didorong oleh kesamaan nasib.

Kesedaran tentang persamaan sejarah dan budaya memunculkan idea mengenai konsep 'negara raya' atau Pan Malay/Malayan Unity dikalangan para pemuda terpelajar di rantau ini.

Babak kemudiannya menyaksikan terbitnya beberapa nama bagi menggambarkan konsep berkenaan.

'Malaysia Irredenta' di Filipina, 'Indonesia Raya' di Indonesia dan 'Melayu Raya' di Malaysia kesemuanya mempunyai satu

maksud, iaitu gagasan bagi pembentukan negeri-negeri Melayu menjadi sebuah negara bangsa besar.

Beberapa tokoh penting dalam perjuangan mewujudkan Melayu Raya boleh disebutkan di sini seperti Jose Rizal, Apolinario Mabini, Wanceslao W. Vinzons, dan Diosado Macapagal di Filipina; Muhammad Yamin, Soekarno, Hatta di Indonesia; Dr Burhanuddin al-Helmi, Mustapha Hussein dan Ahmad Boestamam di Tanah Melayu atau Malaya (Roff 1994 ; Rustam A. Sani 1975).

Garis Besar Negara Raya

Jose Rizal (1861-1896) tumbuh sebagai seorang pejuang besar pengarang beberapa karya novel antaranya Noli Me Tangere (Jangan Usik Daku), dan El Filibusterismo (Sang Subversif).

Perjuangan beliau merebut kemerdekaan tanah airnya daripada Sepanyol membawa inspirasi kepada rakyat dan penulis sejarah selepasnya sehingga digelar patriot dan 'tokoh kebanggaan bangsa Melayu' oleh Sarkisyanz.

Gendang kemerdekaan 'Maharlika' mula dipalu di tangan Rizal.

Wawasannya mengambil garis besar takrif 'Melayu' sebagai tapak penyatuan negara raya ini atas dasar ras.

Warga yang mendiami kepulauan Filipina hari ini merupakan bahagian daripada ras Melayu.

Sesuatu yang tidaklah mengejutkan jika merujuk tesis oleh Johann Blumenbach (1752-1840) sarjana (physician, naturalist, physiologist, antropologist) Jerman mengenai pengkategorian ras berdasarkan fizikal.

Melayu adalah salah satu bangsa utama dan tertua di dunia.

Malah majoriti pengkaji dan cendekiawan Barat pada kurun ke-18 hingga ke-19 hanya mengiktiraf/mengelaskan lima sahaja bangsa utama di dunia iaitu Melayu, Kaukasus, Red Indian, Mongol dan Negroid.

Bagi lain-lain bangsa yang tidak disenaraikan di dalam pengkelasan lima bangsa utama dunia ini mereka dikelaskan atau menjadi sub bangsa kepada lima bangsa utama dunia ini.

Malah cendekiawan barat yang lain seperti John Henry Walker (1831-1899), George Franklin Cram (1883) dan Robert Knox (1850) turut sependapat dengan Blumenbach. Kesedaran Rizal yang bertolak daripada idea ras besar ini tidak lama dapat dijuangkan.

Beliau dipinjamkan untuk membebaskan tanah airnya hanya dalam waktu yang hanya singkat.

Pada usianya 35 tahun beliau terbunuh di tangan penjajah Sepanyol.

Gagasan beliau itu kemudian disambung oleh tokoh selepasnya, bermula oleh Apolinario Mabini yang sejak tahun 1898 lagi telah mencetuskan idea pembentukan Persekutuan Negara-Negara Melayu.

Gambaran mental tentang ras Melayu dibuat berdasarkan definisi besar senada dengan Rizal.

Selepasnya, Wanceslao Vinzons menambah lagi dengan wawasan 'Malaysia Irredenta' yang sempadannya bermula dari 'Malaya' hingga ke New Guinea, Madagaskar hingga ke Filipina'.

Pejuang kemerdekaan dengan gelora pembebasan tanah air yang berfahaman untuk menubuhkan persekutuan besar negara-negara Melayu yang merdeka telah bergabung di bawah Kesatuan Filipina Muda yang dipimpin oleh Vinzons.

Kami teruja untuk menyebutkan ketika pidato 'Malaysia Irredenta' digemakan, Vinzons cumalah baru berusia 22 tahun. Satu contoh keberanian zaman oleh pemuda.

Gerakan kemerdekaan di Filipina tidak bersentuhan langsung dengan tokoh-tokoh pejuang daripada Indonesia dan Tanah Melayu pada peringkat awalnya.

Faktor bahasa dan alat komunikasi barangkali membatasi.

(akan bersambung pada Edisi 8)



KENALI TANDA ISYARAT BAHAYA DI JALAN RAYA!

Adakah anda tahu tanda isyarat bahaya ini?

la mungkin kecil, tetapi mematuhi isyarat ini boleh menyelamatkan nyawa!

Jangan biarkan kecuaiannya mengundang kemalangan.

Tanda Amaran Lorong Mendaki dan Menurun – Fahami isyarat untuk mengelakkan situasi bahaya.

Bertindaklah bijak dengan memandu secara berhemah.

Elakkan risiko dan pastikan perjalanan anda dan orang lain lebih selamat.

Kongsikan dengan keluarga dan rakan-rakan untuk keselamatan bersama.

SIRI TANDA ISYARAT LALU LINTAS

Ep. 03.1

KATEGORI:

TANDA ISYARAT BAHAYA (sambungan)

Definisi: Suatu tanda isyarat yang memperuntukkan bahawa pengguna jalan raya dimestikan mematuhiya dan pengabaian ke atas ini akan membahayakan dan tindakan undang-undang boleh diambil.



CONTOH:



LORONG MENDAKI (DUA LORONG)
Isyarat bagi bahagian jalan yang mempunyai tambahan lorong mendaki atau 3 lorong bahagian jalan dengan lalu lintas dua hala.
Kenderaan berat mesti berada di lorong sebelah kiri.
Kenderaan yang hendak memotong gunakan lorong sebelah kanan.
Berhati-hati terhadap kenderaan yang dipotong dan kenderaan yang datang daripada arah bertentangan.



LORONG MENURUN (DUA LORONG)
Isyarat bagi bahagian jalan yang mempunyai tambahan lorong menurun atau 3 lorong bahagian jalan dengan lalu lintas dua hala.
Kenderaan berat mesti berada di lorong sebelah kiri.
Kenderaan yang hendak memotong gunakan lorong sebelah kanan.
Berhati-hati terhadap kenderaan yang dipotong dan kenderaan yang datang daripada arah bertentangan.



PENDAKIAN BAHAYA (MENDAKI BUKIT CURAM)
Isyarat menunjukkan puncak melebihi 110 atau keadaan setempat akan mendatangkan bahaya.
Pandu dengan berhati-hati.
Gunakan gear rendah.
Dilarang memotong.
Tidak boleh pusing balik.
Memerlukan kawalan stereng yang kemas.



CURAM BAHAYA (MENURUN BUKIT CURAM)
Isyarat menunjukkan curam melebihi 110 atau keadaan setempat akan mendatangkan bahaya.
Perhatikan kenderaan.
Gunakan gear rendah.
Dilarang memotong.
Tidak boleh pusing balik.
Memerlukan kawalan stereng yang kemas.

Kegagalan merancang dan bertindak dengan baik akan meningkatkan risiko kemalangan anda dan pengguna jalan raya yang lain.

www.jpi.gov.my #PanduCermatSampaiSelamat

2024 Aspirasi NEGERI SEMBILAN

INISIATIF BARU BELIA BANTUAN PERKAHWINAN RM500

KEPADA SETIAP ORANG ANAK NEGERI YANG MENDIRIKAN RUMAH TANGGA KALI PERTAMA

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

- PERKAHWINAN DIDAFTARKAN BERMULA 1 JANUARI 2024
- MERUPAKAN PENGUNDI BERDAFTAR DI NEGERI SEMBILAN
- BERMASTAUTIN DI NEGERI SEMBILAN
- KATEGORI UMUR 18 HINGGA 35 TAHUN
- PENDAPATAN PEMOHON TIDAK LEBIH RM 4,000.00

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- SALINAN MYKAD PEMOHON
- SALINAN SLIP MENGUNDI SPR PEMOHON
- SALINAN SLIP GAJI TERKINI / PENGESAHAN PENDAPATAN
- SALINAN SIJIL PERKAHWINAN

PERMOHONAN MELALUI Web <https://www.n9.digital/> atau Aplikasi: **N9 DIGITAL**

UJANG & INDUK

Kenapa Hari Malaysia pada 16 September 1963?



Bilakah Hari Malaysia diisytiharkan sebagai cuti umum?



Dimanakah pengistiharaan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dibuat?



Berapakah kali Tunku Abdul Rahman melaungkan "MERDEKA" pada 31 Ogos 1957?



Siapakah Perdana Menteri Malaysia yang ke 10?



HANTAR KARYA ANDA!

Negeri Kita membuka ruang kepada seluruh rakyat Negeri Sembilan yang ingin menghantar karya kreatif bagi terbitan Negeri Kita edisi akan datang.

Karya kreatif tersebut boleh seperti:

1. Kartun
2. Lukisan
3. Tulisan sajak / puisi
4. Cerpen
5. Seloka rakyat
6. Sinopsis buku

Hantar ke: bmsmedia.ns@gmail.com

dan terima cenderahati dari pihak negerikita.

Sila sertakan nama, alamat dan nombor telefon.





Teroka Daerah:

Rembau tempat 'healing' terbaik Negeri Sembilan

Edzwan Ashraf



Apa khabar peminat setia edisi Teroka Daerah? Dalam edisi kali ini kita boleh gelarkan ia adalah edisi khas 'healing'.

Ini kerana anda akan dibawa untuk meneroka sebuah daerah yang dipenuhi keindahan alam serta dapat menjauhkan diri daripada kesibukan dan hiruk-pikuk di kota.

Daerah ini semakin dikenali terutamanya dalam sosial media kerana terdapat banyak tempat menarik yang boleh dilawati lebih-lebih lagi kalau anda seorang pencinta alam.

Oleh itu, saya ingin membawa anda semua menelusuri daerah yang diberi nama sebagai Rembau.

Apabila dikatakan tempat 'healing' terbaik anda semua akan mengimpikan sebuah tapak perkhemahan di dalam hutan yang mana anda hanya dapat mendengar bunyi kicauan burung, cengkerik, air sungai dan pelbagai bunyi alam semula jadi yang lain.

Oleh itu, terdapat tiga tempat yang menarik untuk anda berkhemah di sini iaitu:

- Kelapo Escape Campsite
- Buana Kita Glamping
- Chalet Api-Api

Kelapo Escape Campsite

Dengar nama sahaja anda sudah mengetahui anda akan berkhemah di mana.

Ya betul, anda akan dikelilingi ladang kelapa dengan persekitaran yang tenang.

Diikuti bunyian lembut desiran daun kelapa sudah tentu dapat menghilangkan 'stress'.

Tapi kena selalu tengok atas, takut-takut buah kelapa jatuh atas kepala.

Buana Kita Glamping

Di Buana Kita Glamping anda dapat menikmati pengalaman perkhemahan dan aktiviti keluarga yang hebat dengan kemudahan termasuk memanah, ATV, tempat BBQ, berbasikal, dan kolam renang.

Lokasi ini, dikelilingi oleh alam semula jadi, juga menyediakan kemudahan asas seperti dapur/sink, tempat letak kereta, liputan telefon, soket plug, sungai, pancuran mandi, surau, dan tandas.

Yuran perkhemahan adalah RM10 untuk setiap orang, manakala Glamping adalah RM240 semalam.

Chalet Api-Api

Sekiranya anda hanya mahu memudahkan perjalanan perkhemahan anda, ini adalah tempat yang sesuai.

Hal ini kerana di sini, anda hanya perlu bawa diri dan persalinan anda sahaja.

Kerana khemah telah disediakan oleh pemilik.

Tetapi sekiranya tak mahu berkhemah, anda juga boleh memilih chalet yang disediakan di sini.

Tetapi tidak mungkin sampai sahaja di Rembau anda terus mahu berkhemah.

Mesti isi dulu perut yang kosong sewaktu memandu tadi.

Usah kkuatir kerana di Rembau terdapat banyak makanan yang boleh dinikmati lebih-lebih salai.

Bak kata orang Negeri Sembilan, 'sodap tekau'.

Antara kedai yang boleh anda kunjungi adalah Gerobok Salai, Restoran Ikan Bakar Sungai Rembau juga Edden Salai Rembau.

Tiga kedai ini menjadi pilihan kerana saya sendiri telah pergi dan masakannya memang memenuhi kehendak.

Tapi, saya nak beri amaran awal-awal, jika anda tak makan pedas, pesanlah air dua cawan supaya dapat menghilangkan pedas di lidah anda.

Walaupun begitu, pedasnya bukanlah seperti 'pedas kosong', anda akan dapat merasakan lemak dan sedikit kemanisan.

Dengar saja sudah terliur kan? Apa lagi carilah waktu untuk mencuba di kedai yang saya sarankan ini.

Akhirnya, di Rembau ini sebenarnya terdapat banyak lagi kawasan yang anda boleh kunjungi.

Tetapi kerana dek kekangan ruangan menulis, ini antara tempat menarik yang saya boleh sarankan kepada anda.

Sehingga kita berjumpa lagi pada edisi akan datang, Insyallah.



Raja Permaisuri Agong berkenan berangkat menyempurnakan majlis sambutan Hari Wanita Kebangsaan

KUALA LUMPUR:

Sambutan Hari Wanita Kebangsaan ke-63 anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia atau National Council of Women's Organisations Malaysia (NCWO) telah diadakan di M Resort and Hotel, Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah telah berkenan berangkat mencemar duli ke Majlis Santapan Tengah Hari dan menyempurnakan Titah Diraja bertajuk 'Care Giving in a Caring Society with No One Left Behind' (Penjagaan Ehsan dalam Masyarakat Penyayang Tanpa Ada Yang Tertinggal). Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda disambut oleh isteri Perdana Menteri, Dato' Seri Dr.Wan Azizah Wan Ismail.



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Nancy Shukri juga telah menyampaikan ucapan dengan tajuk 'Malaysian Care Industry Action Plan'.

Sambutan dimulakan dengan forum bertemakan 'Care Giving in A Caring Society' dan disusuli dengan Majlis Santapan Tengah Hari.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Dr.Noraini Ahmad.



Noorzunita rasmi Seminar Penyediaan Makanan dan Minuman Halal

KUALA PILAH: Exco Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan, Noorzunita Begum Mohd Ibrahim telah merasmikan Program Jelajah Seminar Penyediaan Makanan dan Minuman Halal di Dewan Bandaran Majlis Daerah Kuala Pilah.

rakan strategik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)," kata Noorzunita Begum yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pilah.

"Ramai usahawan wanita dari Daerah Kuala Pilah mendaftar untuk kursus ini.

"Seminar ini adalah satu platform yang sangat penting dalam mendidik dan memberi pendedahan kepada para usahawan mengenai kepentingan memastikan produk makanan dan minuman yang dihasilkan memenuhi standard halal yang ditetapkan.

"Seminar ini dibawa oleh Ustaz Firdaus Jaafar yang merupakan



Walau dibantah China, Malaysia teruskan teroka minyak

VLADIVOSTOK: Operasi Malaysia untuk terus meneroka kawasan yang berpeluang mempunyai minyak dan gas di Laut China Selatan akan tetap diteruskan walaupun China mendakwa bahawa negara ini telah melepasi sempadan yang dibenarkan.

Perdana Menteri Malaysia,

Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, operasi tersebut dilakukan dalam kawasan perairan negara dan tiada sebarang provokasi dilakukan.

"Kita tegaskan bahawa ini adalah kawasan kita, walaupun dibantah oleh mereka (China), kita masih memberi ruang untuk berbincang.

"Tetapi operasi ini dijalankan dalam kawasan kita.

"Kita akan memberi respon kepada China bagi menjelaskan kedudukan kita, tetapi yang dilakukan bukanlah tindakan provokasi.

"Kita juga perlu teruskan penerokaan di perairan kita dan menjamin kelebihan kita,

termasuk operasi cari gali dalam kawasan sendiri.

"Biarpun Beijing menghantar nota bantahan kerana mereka merasakan itu kawasan mereka, tapi kita akan teruskan kerana ia berkaitan kelangsungan ekonomi kita," kata Anwar.



Hampir sepenuhnya Wilayah Gaza kini dikuasai Israel

GAZA: Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Pejabat Penyelaras Hal Ehwat Kemanusiaan (OCHA), rejim zionis telah menguasai sebanyak 88 peratus Wilayah Gaza.

Sekaligus, meletakkan 2.3 juta rakyat Gaza berada dalam keadaan yang sukar untuk mencari tempat perlindungan.

Pemangku Pengarah OCHA, Joyce Msuya berkata, orang awam (Gaza) sendiri tidak tahu di mana mereka akan berlindung apabila tentera rejim mengeluarkan arahan perpindahan.

"Arahan perpindahan yang dikeluarkan tanpa mengira masa telah melanggar keperluan undang-undang kemanusiaan

antarabangsa sehingga mendorong semua berfikir bahawa tiada lagi rasa kemanusiaan di Gaza.

"Saya juga hairan, di manakah nilai kemanusiaan Israel selepas pasukan bantuan antarabangsa (PBB) sukar menjalankan operasi bantuan di Gaza ekoran serangan berterusan daripada tentera

negara tersebut," kata Joyce Msuya.

Joyce Msuya turut tambah bahawa, keadaan di Gaza ketika begitu menghibakan di mana terdapat orang awam kelaparan, dahaga dan sakit.

Gagal tangani banjir, pegawai Korea Utara dihukum bunuh

SEOUL: Akibat kegagalan menangani masalah banjir, lebih 20 orang Pegawai Korea Utara dihukum bunuh.

Ini kerana pada Julai lalu, Korea Utara dilanda banjir besar yang mengorbankan ribuan penduduk di wilayah utara negara itu.

Jurucakap Perkhidmatan Perisikan Kebangsaan Korea Selatan berkata, keadaan tersebut diteliti selepas mendapat risikan berkaitan perkembangan itu.

Walau bagaimanapun, beliau tidak memberitahu maklumat lanjut.

Manakala, Kementerian Penyatuan Korea Selatan yang mengendalikan hubungan dengan Korea Utara enggan mengulas mengenai perkara tersebut.

Berdasarkan media Korea Utara, hujan lebat yang berlaku itu merosakkan kira-kira 4,100 rumah, menghanyutkan jalan raya dan rangkaian kereta api serta memusnahkan kira-kira

3,000 hektar tanah ladang di bandar Sinuiju.

Namun, alat propaganda Korea Utara hanya mengedarkan gambar pemimpin negara itu menyelia usaha menyelamatkan tanpa melaporkan sebarang kematian.

Menerusi Agensi Berita Pusat Korea, lebih hampir 5,000 orang diselamatkan dalam bencana tersebut.



Indonesia tekad kukuhkan hubungan pertahanan dengan Malaysia

JAKARTA: Indonesia menyatakan tekadnya untuk mengukuhkan kerjasama bersama Malaysia.

Perkara tersebut dinyatakan dalam pertemuan Menteri Pertahanan Indonesia, Prabowo Subianto bersama Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim ibni Sultan Iskandar di Kuala Lumpur.

Prabowo berkata, hubungan yang kukuh dan berkekalan

antara kedua negara adalah menjadi tumpuan.

"Saya hargai hubungan erat yang terjalin antara kedua-dua negara ini dan kita akan berusaha untuk meningkatkan kerjasama terutamanya dalam bidang pertahanan.

"Saya menghargai respon positif Seri Paduka Baginda dan berharap perkongsian kami akan terus berkembang

untuk manfaat bersama," kata Prabowo.

Prabowo, yang mempunyai persahabatan yang lama terjalin dengan Seri Paduka Baginda sejak lebih 40 tahun lalu ketika latihan ketenteraan bersama mereka di Fort Bragg, Amerika Syarikat, memuji Malaysia atas layanan mesra yang diberikan dan menekankan kepentingan kerjasama strategik yang berterusan.

Format baru UCL akan memenatkan pemain

Liga Juara-Juara Eropah 2024/2025 akan melaksanakan format baharu setelah diumumkan oleh pihak UEFA.

Antara perubahan yang akan berlaku ialah jumlah penyertaan pasukan, format peringkat kumpulan dan juga pemberian slot.

Penambahan pasukan daripada 32 kumpulan kepada 36 kumpulan akan menyaksikan perubahan besar iaitu transformasi daripada sistem kumpulan tradisional kepada sistem satu liga kumpulan.

Setiap pasukan secara minimum akan berlawan dengan lapan pasukan yang lain, empat perlawanan di tempat sendiri dan empat perlawanan di tempat lawan yang akan dipilih berdasarkan pot yang lain.

Lapan pasukan teratas di dalam liga secara automatik akan layak ke pusingan 16 akhir.

Pasukan di tangga ke-sembilan hingga 24 akan berlawan secara play-off timbal balik untuk melayakkan pasukan ke pusingan 16 akhir.

Sebagai contoh, Real Madrid akan berdepan Liverpool dan Borussia Dortmund yang merupakan kelab

dalam 'Pot 1' sebelum bertemu VfB Stuttgart (Jerman) dan Brest (Perancis) sebagai lawan dari 'Pot 4'.

Tetapi, Brest yang merupakan pasukan terendah berdasarkan ranking UEFA sudah diundi untuk berdepan Real Madrid serta Barcelona sebagai lawan dari 'Pot 1' dan menentang Sturm Graz (Austria) serta Sparta Prague (Republik Czech) sebagai lawan dari 'Pot 4'.

Kata Presiden UEFA, Alexander Ceferin "UEFA jelas menunjukkan hari ini bahawa kami komited sepenuhnya untuk menghormati nilai asas sukan dan mengekalkan prinsip utama persaingan terbuka, dengan kelayakan berdasarkan merit sukan, sepenuhnya selaras dengan nilai Eropah dan berasaskan perpaduan serta model sukan Eropah,"

Format baru ini telah lama dipakai dalam sukan catur yang dikenali sebagai Swiss Model.

Setiap peserta tidak perlu berlawan satu sama lain tetapi akan menghadapi jadual yang sudah ditentukan sebelumnya.

Namun begitu, sistem baru ini mendapat banyak kecaman daripada pelbagai pihak kerana menimbulkan kerisauan liga domestik.

Jumlah perlawanan yang bertambah akan menyukarkan penyusunan jadual meraka yang padat.

Pasukan Liverpool sebagai contoh menjadi pasukan yang bermain dalam kesemua perlawanan domestik di England dan aksi Eropah, dengan keseluruhan 63 perlawanan.


Jika Liverpool mengulangi pencapaian yang sama pada 2024/25 nanti, mereka akan bermain 71 perlawanan.

Ilkay Gundogan memberi komen terhadap format UCL baru ini dalam akaun X miliknya.

"Semakin banyak pertandingan, apakah tidak ada satu pun yang memikirkan para pemain seperti kami?"

"Format UCL yang baru sama buruknya, hanya dua tingkat di bawah Super League."

"Format UCL yang sekarang berfungsi dengan baik dan sebab itulah ini menjadi perlawanan kelab paling popular di dunia, untuk kami para pemain dan para penyokong", katanya lagi.



Lukaku pemain nomad termahal dalam sejarah, nilai perpindahan terkumpul 369 juta Euro

HIGHEST ACCUMULATED FEES IN FOOTBALL HISTORY		
	NUMBER OF TRANSFERS	FEES IN TOTAL
1	NEYMAR	€400M
2	LUKAKU	€369M
3	RONALDO	€247M
4	DEMBÉLÉ	€220M
5	MORATA	€202M
6	DE LIGT	€198M
7	JOÃO FÉLIX	€190M
8	GRIEZMANN	€182M
9	COUTINHO	€180M
10	MBAPPÉ	€180M

Romelu Lukaku telah melengkapkan perpindahan tetap ke Napoli FC untuk mengakhiri bencana tiga tahun terikat bersama Chelsea FC.

Pemain negara Belgium itu melengkapkan perpindahan ke gergasi Serie A dengan nilai perpindahan sebanyak 30 juta Euro dengan klausa tambahan sekitar 15 juta Euro.

Dua musim yang sebelumnya Lukaku dipinjamkan ke kelab Itali iaitu Inter Milan dan AS Roma.

Pemain setinggi 191 cm ini telah menjadi pemain termahal dalam sejarah sukan bola sepak.

Sebagai pemain yang bermula dari kelab Belgium, Anderlecht sebelum berpindah ke Chelsea FC pada 2011 dengan tanda nilai 15 juta Euro.

Namun begitu, Lukaku ban-

yak menghabiskan masa dipinjamkan ke kelab West Brom dan Everton FC.

Prestasi baik yang dipamerkan Lukaku di Goodison Park, Everton FC seterusnya menandatangani Lukaku sebagai penyerang utama dengan harga 35.4 juta Euro secara tetap.

Perpindahan yang menjadi antara perpindahan termahal dalam Liga Inggeris pada ketika itu.

Manchester United yang berminat dengan penyerang (target man), Lukaku dilamar Manchester United setelah tiga musim di Everton dengan rekod perpindahan kedua termahal yang dibayar oleh Kelab Old Trafford sebanyak 84.7 juta Euro.

Walaupun bagaimanapun, Lukaku tidak berjaya di Manchester United kerana prestasi buruk, seterusnya dijual kepada Inter Milan selepas dua musim dengan nilai rekod

perpindahan yang tinggi iaitu 74 juta Euro.

Setelah dua musim di Inter Milan, Lukaku menjanginkan 72 gol dengan kelab gergasi Itali tersebut.

Chelsea yang dahulunya tidak memberi peluang kepada Lukaku untuk berada di skuad utama, sekali lagi meyakinkan Lukaku untuk pulang ke Liga Inggeris dengan tanda harga 113 juta Euro menjadikan Lukaku di tempat ketiga sebagai penyerang termahal dalam sejarah perpindahan kelab bolasepak.

Kesemua tanda harga tersebut ditambah menjadikan nilai yang mengagumkan iaitu 369 juta Euro sebagai satu tanda nilai termahal sepanjang karier Lukaku.

Hanya seorang pemain yang dapat memecahkan rekod perpindahan termahal sepanjang karier iaitu Neymar Jr.

Tetapi perpindahan Neymar

hanya tiga kali berbanding Lukaku sebanyak sembilan kali.

Perpindahan Neymar sepanjang karier yang menelan belanja sehingga 400 juta Euro menjadikan perpindahan lebih 31 juta Euro berbanding Lukaku.

Menariknya, pemain superstar seperti Cristiano Ronaldo yang berada di tempat ketiga dengan perpindahan 247 juta Euro.

Manakala Ousmane Dembele (220 juta Euro) dan Alvaro Morata (202 juta Euro) berada di dalam senarai lima perpindahan termahal bolasepak.

Dengan rekod perpindahan kelab sebanyak sembilan kali dengan yuran perpindahan berjumlah 369 juta Euro, Lukaku menjadi pemain bola sepak nomad termahal dalam sejarah.

Olimpik Paris 2024 penuh kontroversi



Olimpik Paris yang telah melabuhkan tirai pada 11 Ogos yang lepas akan disambung di Olimpik di Los Angeles, Amerika Syarikat pada tahun 2028.

Penganjuran kali ini mendapat pelbagai kecaman daripada pelbagai pihak; antaranya kualiti Sungai Seine yang tidak memuaskan sehingga terpaksa membatalkan latihan triathlon.

Walaupun penganjur telah menghabiskan sebanyak US\$1.5 bilion untuk membersihkan sungai tersebut.

Seorang atlet Belgium terpaksa untuk menarik diri dari triathlon selepas dilaporkan dijangkiti E.coli.

Dalam pada itu, isu yang menyentuh sensitiviti umat Islam seluruh dunia di mana tindakan Perancis melarang atlet Perancis dari memakai hijab atau apa-apa jenis penutup kepala.

Jika atlet memilih untuk memakai hijab, maka atlet itu tidak dibenarkan untuk bertanding.

Perkara ini menunjukkan hipokrisi penganjur dan Islamophobia dalam dunia sukan.

Hospitaliti yang tidak kondusif mengakibatkan ramai atlet yang mengadu dengan keadaan tempat tinggal mereka.

Walaupun pihak penganjur membelanjakan sebanyak US\$9

bilion untuk tempat tinggal, namun ramai atlet mengadu perkampungan Olimpik berhawa panas dan tidak selesa.

Pemenang pingat emas, Thomas Cecon yang membuat keputusan untuk tidur di taman berhampiran Perkampungan Olimpik kerana mendakwa kepanasan dan bunyi bising sehingga menyukarkan dia untuk mendapatkan rehat yang cukup.

Banyak lagi kontroversi yang berlegar sepanjang Olimpik Paris 2024. Ada juga yang melibatkan pengadilan terhadap beberapa perlawanan.

Skuad Malaysia juga tidak terlepas di mana harapan emas Negara Dato' Muhammad

Azizulhasni Awang yang dibatalkan untuk pusingan seterusnya kerana memotong pacer.

Pembatalan kelayakan beliau menimbulkan tanda tanya kerana insiden serupa pernah berlaku di Olimpik Rio De Janeiro 2016.

Pada ketika itu, pelumba dari negara barat yang melakukan kesalahan yang sama seperti Azizulhasni hanya diberi amaran dan dibenarkan bertanding semula.

Ini menimbulkan persoalan tentang integriti dan keadilan dalam sukan, yang sepatutnya berdasarkan merit dan prestasi, bukan negara asal.

Hannah tempatkan individu yang tepat di posisi yang sesuai

Salah satu perkara utama yang ingin saya capai sebelum tamat tempoh perkhidmatan saya sebagai Menteri Belia dan Sukan adalah untuk menempatkan individu yang tepat di posisi yang sesuai.

Terdapat pelbagai jenis jawatan dalam badan sukan:

- Dipilih oleh ahli mereka sendiri (contohnya, Majlis Olimpik Malaysia [MOM] atau Persatuan Bola Sepak Malaysia [FAM]).
- Dilantik oleh saya sebagai Menteri (contohnya, bekas atlet sebagai ahli lembaga dalam agensi-agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia).

Bagi mereka yang dipilih oleh ahli badan sukan melalui proses pemilihan sendiri, saya tidak mempunyai kuasa untuk menukar atau menggugurkan mereka.

Ia dilakukan melalui proses demokratik dan kita harus menghormati proses tersebut.

Saya hanya boleh menukar/ menggugurkan mereka yang saya lantik.

Dalam tempoh yang singkat sebagai Menteri, saya telah melantik ramai bekas atlet utama untuk membantu saya.

Saya percaya bahawa bekas atlet memahami sukan dan keperluan atlet.

Dalam Jawatankuasa Road To Gold, saya mempunyai tiga bekas atlet utama untuk membantu saya - Lee Chong Wei, Nicol David, dan Mirwan Nawawi.

Di Majlis Sukan Negara Malaysia, saya mempunyai Olympian Suriaghandi Suppiah dan Lee Chong Wei untuk membantu saya.

Di Institut Sukan Negara Malaysia, saya mempunyai Datuk Marina Chin dan Nicol David untuk membantu saya.

Di YAKEB, saya mempunyai Farah Ann, Jeffrey Ong, dan Soo Beng Kiang untuk membantu saya.

Dalam Jawatankuasa Safe Sports, saya melantik Nurul Huda sebagai pengerusinya.

Selain itu, saya juga mempunyai Pentadbir Sukan seperti Datuk Seri Windsor John dari Konfederasi Bola Sepak Asia (Perbadanan Stadium Malaysia) dan Datuk Stuart Ramalingam (Penyelaras RTG).

Di Olimpik Paris 2024, saya berpeluang meluangkan banyak masa bersama Datuk Nicol David, Timbalan Chef de Mission kita yang telah menjalankan tugas dengan cemerlang dalam menyokong atlet kita.

Beliau melakukannya dengan sangat meyakinkan.

Harapan saya adalah agar beliau terus membantu saya dalam membangunkan negara melalui pembangunan sukan.

Saya ingin usaha saya memperkasakan bekas atlet untuk membantu atlet semasa dan masa depan dilihat sebagai salah satu legasi saya kerana mereka memahami keperluan dan kehendak mereka.

Nantikan perkembangan selanjutnya.

HANNAH YEOH

Menteri Belia dan Sukan

Sukan Negeri Kita



Sukan SEA 2027 Malaysia setuju jadi tuan rumah

Malaysia bakal menjadi tuan rumah Piala Dunia Kriket Wanita B-19

Majlis Kriket Antarabangsa (ICC) dalam kenyataan pada Ahad memaklumkan Malaysia menjadi tuan rumah tunggal, selepas Thailand mengemukakan menarik diri sebagai hos bersama bagi kejohanan dunia itu.

Piala Dunia Kriket Wanita Bawah 19 Tahun (B-19) edisi kedua akan berlangsung dari 18 Januari hingga 27 Februari tahun depan.

41 perlawanan akan dipertandingkan terdiri daripada 16 pasukan yang akan diadakan di empat tempat di Selangor, Johor dan Sarawak.

Padang Kriket Petra Jaya di Kuching akan menjadi tuan rumah bagi perlawanan Kumpulan C melibatkan New Zealand, Afrika Selatan, Kelayakan Afrika dan Samoa yang akan beraksi dalam Piala Dunia ICC buat kali pertama.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) YSD Oval di Bangi, Selangor akan menjadi tuan rumah bagi Australia, Bangladesh, Kelayakan Asia dan Scotland.

Dinesh Muthuraman yang merupakan Pengarah Kejohanan Hos berkata, Malaysia bangga menjadi tuan rumah kejohanan itu dan menyokong pertumbuhan kriket di pentas global.

"Pada 2008, kami mendapat penghormatan untuk menjadi tuan rumah Piala Dunia Lelaki B-19, di mana bintang semasa seperti Virat Kohli, Kane Williamson dan Trent Boult antara ramai yang lain, memamerkan bakat mereka.

"Kini, tiba giliran kriket wanita dan kami yakin Piala Dunia T20 Wanita B-19 ini akan menjadi landasan pelancaran untuk

legenda kriket generasi akan datang.

"Kriket wanita mengalami pertumbuhan yang tidak pernah berlaku sebelum ini di Malaysia dan di seluruh dunia.

Kami yakin sepenuhnya bahawa Piala Dunia ini akan mempercepatkan lagi momentum itu, membawa kepada perkembangan ketara dalam sukan itu, terutama untuk kriket wanita," katanya.



Kerajaan menerima tawaran daripada Persekutuan Sukan SEA (SEAGF) untuk menjadi tuan rumah temasya Sukan SEA 2027 setelah diumumkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim bersama Jemaah Menteri mempersetujui keputusan tersebut setelah mengambil kira komitmen penganjuran bersama oleh tiga negeri lain.

Sarawak, Sabah dan Pulau Pinang sebelum ini telah menyatakan kesediaan untuk menggunakan peruntukan masing-masing untuk menjadi penganjur bersama dengan ibu kota Kuala Lumpur.

Namun begitu, Menteri Kewangan Sabah, Masidi Manjun berkata Mesyuarat Kabinet Kerajaan Sabah tidak pernah membuat sebarang komitmen kewangan bagi penganjuran Sukan SEA 2027.

Kerajaan Sabah juga belum bersedia menjadi 'co-host' kerana kemudahan sukan di Sabah tidak mencukupi.

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh berkata beliau menyambut baik keputusan terbaharu Kabinet Sabah dan ini tidak akan menjejaskan persiapan penganjuran Sukan SEA 2027.

"Kita hormati keputusan negeri Sabah (penganjuran Sukan SEA 2027)...MSN memang akan teruskan persiapan Sukan SEA 2027 kerana kita telah dapatkan kelulusan jemaah menteri," kata Hannah.

Dalam pada itu, Sarawak juga mempertimbangkan anjur acara di daerah lain.

Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak, Dato' Seri Abdul Karim Rahman Hamzah berkata acara pembukaan akan diadakan di Kuching tetapi berharap acara yang lain tidak tertumpu di Kuching sahaja.

Jemaah Menteri turut merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Sarawak dan Jawatankuasa Penganjur Sukan Malaysia (SUKMA) XXI yang telah berjaya mengendalikan penganjuran SUKMA Sarawak yang berakhir pada 24 Ogos lalu.



Nanthakumar jurulatih Negeri Sembilan yang baharu

SEREMBAN: Penolong jurulatih pasukan bola sepak Negeri Sembilan, K.Nanthakumar, 47, kini dilantik sebagai Ketua Jurulatih Negeri Sembilan FC (NSFC).

Bekas pemain kebangsaan, Nanthakumar pernah mewakili pasukan Negeri Sembilan, Perak, Selangor dan Kelantan, bermain sebagai pemain pertahanan tengah dan pemain tengah defensif.

Nanthakumar akan dibantu dua penolong jurulatih, K.Rajan dan Efendi Abdul Malek yang kedua-duanya bekas pemain Negeri Sembilan.

Rombakan ini juga membabitkan lantikan jurulatih penjaga gol yang baharu iaitu Megat Amir Faisal al Khalidi Megat Ibrahim.

Megat Amir Faisal merupakan bekas pemain

Pulau Pinang, Kedah, Selangor dan Perak.

Sementara itu, bekas Ketua Jurulatih NSFC, Azzmi Ab Aziz telah dilantik sebagai pengarah teknikal pasukan menggantikan Effendi.

Azzmi sebelum ini dilantik sebagai Ketua Jurulatih NSFC pada 15 Februari lepas dan sebelum itu adalah Ketua Jurulatih Polis Diraja Malaysia FC (PDRM FC).